RABU 06 03 2019
BH SKOR
bhskor@bh.com.my



S 27 PERSONALITI
Hargai Anggota Bomba

MEMBIMBING KE ARAH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

# KUASAI BAHASA INGGERIS

- Ada pelajar malu berkomunikasi dalam bahasa antarabangsa




Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my
Kuala Lumpur

Tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar di negara ini sering diberi perhatian, memandangkan golongan itu wajib menguasainya kerana bakal meneraju negara yang memerlukan mereka memiliki ciri kepemimpinan bersifat global, terutama kemahiran berkomunikasi.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar, Kementerian Pendidikan sejak dahulu merencana dan mengadaptasi pelbagai program pemerkasaannya, termasuk usaha terkini menambah baik serta memperluaskan Program Imersif Tinggi (HIP) yang diperkenalkan di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Namun, masih ada pelajar dilihat tidak berani menonjolkan diri tatkala memerlukan mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

S26

Layari **www.FullAMark.com.my** untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak **soalan SPM**

Scanned by CamScanner

SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

Bahasa Melayu

# NOVEL

Zon 1 Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

## Jendela Menghadap Jalan

*Oleh Rohaini Matdarin* – Tingkatan 4

**1 Tema**

Memaparkan tema kehidupan masyarakat yang menghadapi pelbagai konflik dalam kehidupan namun dapat diselesaikan dengan permuafakatan dan kerjasama. *Contohnya*:

(*a*) Watak utama iaitu Lili berhadapan dengan rentetan konflik ketika menghabiskan cuti sekolah di kampung datuknya. Lili telah membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga Che Jah.

(*b*) Konflik isu keganasan rumah tangga yang berlaku kepada keluarga Che Jah akibat sikap suaminya, Seman dapat diselesaikan apabila Che Jah membuat laporan polis dan suami Che Jah telah ditangkap.

(*c*) Konflik perpaduan penduduk kampung dalam pertikaian untuk membina kubah surau baharu atau membina masjid bagi menggantikan surau. Lili dan Danel telah berperanan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat kampung agar membina masjid baharu dan usaha mereka telah membuahkan hasil.

(*d*) Lili juga dapat melihat krisis masa depan perubatan tradisional dipelopori oleh datuk Lili yang selama ini menjadi sumber rujukan masyarakat setempat dan sudah mula dipinggirkan. Konflik ini semakin bertambah apabila isterinya sendiri mula mempertikaikan kemujaraban herba yang diadun kerana diragui boleh mendatangkan kesan sampingan kepada penggunanya.

**2 Persoalan**

(*a*) **Persoalan tentang isu keganasan rumah tangga**
- *Contohnya*; Seman suami Che Jah seorang yang suka berjudi, berhutang dan minum arak telah menyebabkan rumah tangga Che Jah huru-hara dan sarat dengan konflik.
- Anak-anaknya, Haziq dan Rafiq yang baru belasan tahun turut terpengaruh dengan berperangai seperti ayah mereka apabila terkhilaf memilih kawan.
- Che Jah telah meminta cerai daripada suaminya kerana sudah tidak tahan dengan perangai buruk suaminya itu.

(*b*) **Persoalan tentang amalan penggunaan ubat tradisional**
- *Contohnya*; Datuk sering disindir oleh nenek kerana terlalu prihatin dalam membantu penduduk kampung yang bermasalah kesihatan dengan membekalkan ubat tradisional yang dihasilkannya sendiri.
- Datuk begitu komited dengan usahanya itu hingga tidak pulang ke rumah menyebabkan nenek berasa risau kerana datuk masuk ke hutan mencari akar-akar kayu tanpa pengetahuannya.

(*c*) **Persoalan tentang keprihatinan dalam menyelesaikan permasalahan orang lain**
- *Contohnya*; Keprihatinan Lili terhadap Che Jah yang berdepan dengan isu keganasan rumah tangga akibat sikap tidak bertanggungjawab suaminya, Seman.
- Walaupun Haziq dan Rafiq menculiknya tetapi Lili memaafkan ketelanjuran tindakan mereka kerana beranggapan keluarga tersebut memerlukan bantuan pemulihan untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik.
- Lili sering ke rumah Che Jah untuk memberikan motivasi dan sokongan sehingga akhirnya Che Jah bersetuju meminta bantuan Puan Hamimah seorang kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat aduan tentang sikap suaminya yang buruk selama ini.

(*d*) **Persoalan tentang isu kebejatan sosial penduduk kampung**
- *Contohnya*; Penduduk kampung cuba dipengaruhi oleh orang yang tidak bertanggungjawab agar menjual tanah-tanah mereka.
- Penduduk kampung juga bertelingkah untuk lebih mengutamakan penggantian kubah surau berbanding membina masjid baharu.
- Penduduk kampung yang diwakili oleh watak Che Jah juga berdepan isu keganasan rumah tangga lantaran sikap suaminya yang kurang bertanggungjawab di samping kelakuan anak-anaknya, Haziq dan Rafiq yang tersalah memilih kawan.

**3 Pengajaran**

(*a*) **Kita hendaklah menyayangi ibu yang banyak berjasa kepada kita**
- Lili amat menyayangi ibunya dan telah menyatakan kepada datuk bahawa ibunya seorang yang bertanggungjawab.

(*b*) **Kita hendaklah gigih membantu menyelesaikan sesuatu masalah**
- Lili gigih menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga Che Jah dengan meminta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Datuk gigih masuk ke hutan untuk mencari akar kayu untuk dijadikan ubat tradisional.

(*c*) **Kita hendaklah prihatin terhadap masalah yang berlaku di sekeliling kita supaya masalah tersebut diatasi dengan sebaik mungkin.**
- Lili sentiasa prihatin dengan masalah Che Jah yang berdepan isu keganasan rumah tangga.

(*d*) **Kita hendaklah menghargai sumber alam supaya kegunaan herba dapat dimanfaatkan untuk kegunaan manusia sejagat.**
- Datuk sering masuk ke dalam hutan untuk mencari akar kayu yang berkhasiat untuk dijadikan ubat.

**4 Nilai**

(*a*) **Nilai jati diri**
- Datuk tetap istiqamah mempertahankan prinsipnya tentang khasiat perubatan tradisional yang diusahakannya selama ini sebagai kaedah perubatan alternatif kepada pesakit yang memerlukan.

(*b*) **Nilai tanggungjawab**
- Penduduk kampung bergotong-royong membantu menyelesaikan masalah kubah surau atas rasa tanggungjawab mereka kepada kebajikan masyarakat kampung.

(*c*) **Nilai prihatin**
- Lili prihatin terhadap nasib Rafiq dan Haziq yang berpunca daripada masalah keluarga yang dihadapi mereka walaupun mereka pernah menculik Lili.
- Lili menjenguk Che Jah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang latar belakang Haziq dan Rafiq.

(*d*) **Nilai baik hati**
- Danel sering datang ke rumah nenek dan membantu nenek memasak. Apatah lagi Danel menganggap masakan nenek memang sedap.
- Datuk menggunakan kepakarannya untuk membantu orang lain dengan berkongsi khasiat herba dan akar-akar kayu. Usahanya itu berjaya sebagai cara memberikan rawatan alternatif untuk menyembuhkan penyakit selain bergantung kepada perubatan moden.

## Songket Berbenang Emas

*Oleh Khairuddin Ayip* - (Tingkatan 5)

**1 Tema**

Novel *Songket Berbenang Emas* menggarap tema cabaran dan kegigihan yang dihadapi oleh seorang remaja dalam mendepani kehidupan.

(*a*) Dahlia seorang pelajar Tingkatan Enam menghadapi masalah keluarga kerana hidup dalam kemiskinan.

(*b*) Ibunya menghadapi masalah kejiwaan sehingga terpaksa mendapatkan rawatan di Hospital Permai.

(*c*) Dahlia terpaksa keluar dari asrama dan tinggal di rumah untuk menjaga adik-adiknya.

(*d*) Bapanya pula terpaksa dimasukkan ke hospital kerana dipatuk ular.

(*e*) Dahlia juga menghadapi cabaran dalam pelajaran kerana dia tidak dapat hadir ke sekolah kerana menguruskan adik-adiknya. Dahlia pernah dipanggil oleh guru kerana lama tidak hadir ke sekolah.

(*f*) Dahlia juga menghadapi cabaran dalam hubungannya dengan Azhari apabila dia telah difitnah oleh jirannya iaitu Aton. Namun demikian, Dahlia tabah menghadapi dugaan tersebut sehingga akhirnya mereka bersatu dalam ikatan perkahwinan yang sah.

**2 Persoalan**

(*a*) **Persoalan tentang kejayaan hidup hasil daripada kegigihan dalam pelajaran**
- Dahlia gigih dalam mengutamakan pelajaran dengan meminjam nota dan bertanya kepada Kavita dan Siti Wangi tentang pelajarannya.
- Dahlia tetap bertanggungjawab kepada prestasi pelajarannya meskipun terpaksa membantu ayahnya menguruskan rumah tangga setelah ibunya dihantar ke hospital untuk menerima rawatan.

(*b*) **Persoalan kemiskinan dalam kalangan masyarakat kampung**
- Keluarga Embong hidup dalam kemiskinan dan terpaksa berhutang dengan Tauke Lim untuk membeli barang-barang keperluan harian.

(*c*) **Persoalan keberanian bertindak sewaktu menghadapi situasi bahaya**
- Embong berjaya mengalahkan ular sawa yang cuba membelitnya sewaktu bekerja di ladang sawit.

(*d*) **Persoalan keinsafan atas kesilapan diri**
- Nek Kiah akhirnya insaf setelah Dahlia yang selama ini dibencinya telah menjaga dan merawatnya ketika terlantar sakit.
- Abu Bakar yang selalu berpeleseran sehingga sanggup mencuri kambing ayahnya berubah sikap apabila ditempelak oleh rakan-rakannya sendiri.

**3 Nilai**

(*a*) **Nilai kasih sayang**
- Kasih sayang anak terhadap ibu bapanya
  *Contoh*: Dahlia amat menyayangi ibunya walaupun ibunya menghidap penyakit kemurungan.

(*b*) **Nilai keberanian**
- Embong berani membunuh ular sawa yang cuba membelitnya di ladang sawit.
- Dahlia berani terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said.

(*c*) **Nilai setia kawan**
- Kavita seorang yang setia kawan apabila dia sanggup membuat salinan nota-nota untuk diberikan kepada Dahlia yang kerap tidak hadir ke sekolah kerana masalah keluarganya.

(*d*) **Nilai pengorbanan**
- Dahlia sanggup berkorban demi menjaga adik-adiknya sewaktu emaknya dirawat di hospital.
- Dia sanggup ponteng sekolah kerana ingin menguruskan adik-adiknya dan menjaga adiknya, Anggerik yang sakit.
- Dahlia juga sanggup keluar dari asrama sedangkan hanya tinggal beberapa bulan lagi sebelum menduduki STPM.

**4 Pengajaran**

(*a*) **Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita.**
- Kasih sayang anak terhadap ibu bapanya.
  - Dahlia amat menyayangi ibunya walaupun ibunya menghidap penyakit kemurungan.
- Kasih sayang kakak terhadap adik-adiknya.
  - Dahlia sanggup keluar dari asrama semata-mata mahu menjaga adik-adiknya selepas ibunya dimasukkan ke hospital.

(*b*) **Kita hendaklah membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.**
- Tauke Lim membantu keluarga Dahlia tanpa mengharapkan sebarang balasan. Beliau juga ikhlas memberi hutang kepada keluarga Dahlia.
- Beliau ikhlas memberi wang sebanyak RM300 untuk perbelanjaan Dahlia di Universiti Malaya.

(*c*) **Kita mestilah nasihat-menasihati antara satu sama lain.**
- Cikgu Hisyam menasihati Dahlia agar ke sekolah kerana dia merupakan pelajar yang berpotensi untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM.

## Latihan

**Set 1**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Konflik digunakan oleh pengarang untuk mengembangkan plot cerita dalam sesebuah novel. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik antara watak yang dapat mengembangkan plot cerita.

[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** kepincangan masyarakat yang boleh dijadikan pengajaran dalam kehidupan.

[8 *markah*]

**Set 2**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** nilai murni masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang dapat dijadikan teladan kepada pembaca. Berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.

[8 *markah*]

**Set 3**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan nilai yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** nilai ketabahan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 *markah*]

Scanned by CamScanner

# NOVEL

Zon 2 - Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, dan WP Putrajaya

## Leftenan Adnan Wira Bangsa

*Oleh Abdul Latip Talib* – Tingkatan 4

**1 Tema**

Tema novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ialah semangat perjuangan pahlawan bangsa yang tinggi untuk mempertahankan tanah air tercinta.

- Watak utama dalam novel ini iaitu Leftenan Adnan telah memaparkan semangat perjuangan yang tinggi dalam menentang tentera Jepun yang cuba menakluki negara.
- Leftenan Adnan dan anggotanya sanggup berjuang sehingga ke titisan darah terakhir dengan penuh dedikasi dan semangat patriotik yang tiada tolok bandingnya.

**2 Persoalan**

(*a*) **Pengorbanan dalam perjuangan**
- Isteri Leftenan Adnan iaitu Sophia sanggup berkorban berpisah dengan suaminya dan menjaga anak-anak.

(*b*) **Persoalan kebijaksanaan dalam menghadapi situasi genting**
- Leftenan Adnan bijak membaca helah tentera Jepun walaupun tentera Jepun menyamar sebagai askar India dengan memakai turban ketika cuba menyerang askar Melayu.

(*c*) **Persoalan sikap berpandangan jauh**
- Ayah Leftenan Adnan iaitu Pak Saidi menghantar Leftenan Adnan bersekolah di sekolah Inggeris walaupun anak-anak Melayu lain bersekolah pondok.

(*d*) **Persoalan semangat cinta akan negara**
- Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meninggalkan kerjaya untuk memasuki bidang ketenteraan

**3 Pengajaran**

(*a*) **Kita perlulah berani mempertahankan negara.**
- Keberanian Leftenan Adnan dan askar Melayu yang lain ketika mempertahankan negara menjadi buah mulut rakan dan pihak musuh.

(*b*) **Kita perlulah memiliki semangat patriotik.**
- Perjuangan Leftenan Adnan dan askar Melayu membuktikan mereka memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi.

(*c*) **Kita perlulah memiliki sikap berpandangan jauh.**
- Pak Said memilih sekolah beraliran Inggeris untuk anak-anaknya kerana dia sedar banyak ilmu pengetahuan yang dapat ditimba di sekolah tersebut.

(*d*) **Kita perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.**
- Pak Said rajin membaca hasil penulisan Syed Syeikh al-Hadi dalam majalah *Al Imam* dan risalah yang diterbitkannya.

(*e*) **Kita perlulah pasrah menerima ketentuan takdir.**
- Pak Saidi dan Mak Milah pasrah menghadapi kehilangan dua orang anak mereka yang mati dalam pertempuran dengan tentera Jepun.

**4 Nilai**

(*a*) **Keberanian**
- Leftenan Adnan merupakan seorang anggota tentera yang memiliki keberanian yang luar biasa.

(*b*) **Patriotik**
- Leftenan Adnan sanggup melepaskan jawatan guru pelatih dan memohon untuk menjadi tentera.

(*c*) **Kasih sayang**
- Leftenan Adnan amat menyayangi isterinya, Sophia dan dua orang anaknya, iaitu Mokhtar dan Zainuddin.

(*d*) **Kerajinan**
- Leftenan Adnan rajin membantu ibu dan bapanya semasa di sekolah rendah lagi.

(*e*) **Amanah dan bertanggungjawab**
- Leftenan Adnan bekerja keras bukan kerana pangkat tetapi kewajipannya sebagai seorang anggota tentera.

## Tirani

*Oleh Beb Sabariah* – Tingkatan 5

**1 Tema**

- Kegigihan seorang wanita dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupannya.
- Kegigihan Waheeda dalam mengembangkan cabang perniagaannya terserlah apabila dia nekad membuat pinjaman baharu untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands dan menukarkan namanya kepada Chalet Aya-Sajinah.
- Kegigihan Waheeda dalam mempererat hubungan persahabatan turut digambarkan dalam novel ini. Waheeda gigih dan bijak berdepan dengan sikap prejudis sahabat baiknya, Bazilah yang mencemburui hubungan baiknya dengan tunangnya sendiri, Dr. Zahari.
- Kegigihan Waheeda yang cekal mengharungi liku-liku pahit dan manis dalam alam rumah tangganya bersama-sama dengan Zahid sehingga memperoleh seorang cahaya mata perempuan. Dia turut mengalami masalah kemurungan akibat keretakan dalam rumah tangganya.

**2 Persoalan**

(*a*) **Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya**
- Raidah amat menyayangi anak-anaknya. Raidah sanggup terbang ke Singapura semata-mata untuk bersama-sama dengan Waheeda pada hari pembedahan mata dan hidung anaknya itu.
- Raidah juga sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI), Kuala Lumpur.

(*b*) **Persoalan keberanian mengambil risiko untuk memajukan perniagaan**
- Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran.

(*c*) **Persoalan kebijaksanaan berusaha dalam menyelesaikan masalah**
- Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kaunseling Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI, Kuala Lumpur).
- Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.

(*d*) **Persoalan ketegasan dalam membuat tindakan dan keputusan**
- Waheeda bertegas tidak mahu menerima cadangan bapa mentuanya, Datuk Yasser untuk menggabungkan perusahaan Seri Gading-Tajau Emas.

(*e*) **Persoalan sikap cemburu yang berlebihan mengundang penyesalan**
- Sikap cemburu Zahid yang berlebihan terhadap isterinya, Waheeda telah menyebabkan ikatan perkahwinan mereka terlerai.

(*f*) **Persoalan menghargai adat dan budaya masyarakat tempatan**
- Raidah menghargai adat dan budaya masyarakat Sarawak serta menjadikannya sebagai daya tarikan pelancong.

**3 Nilai**

(*a*) **Nilai kasih sayang**
- Fadhil dan Raidah sangat menyayangi anak-anak mereka, Ghazi dan Waheeda. Mereka menaruh harapan yang tinggi terhadap pembedahan muka dan hidung Waheeda.

(*b*) **Nilai tanggungjawab**
- Sebagai seorang ayah, Fadhil membawa Waheeda yang mengalami pendarahan akibat kecederaan yang teruk angkara diserang monyet Belanda ke hospital dengan segera untuk mendapatkan rawatan.

(*c*) **Nilai kesabaran**
- Waheeda begitu sabar menangani sifat cemburu buta dan panas baran suaminya, Zahid yang menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain.

**4 Pengajaran**

(*a*) **Kita hendaklah mengamalkan kasih sayang untuk mempererat hubungan antara ahli keluarga.**
- Raidah amat mengasihi anaknya, Waheeda. Dia berusaha dan sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.

(*b*) **Kita hendaklah bersikap jujur dan sanggup berterus-terang untuk menyelesaikan masalah.**
- Dahlia bercerita secara jujur kepada suaminya, Zahid bahawa dia dan penyelenggara pergi ke bilik penginapan Dawood semata-mata untuk melihat seterusnya membaiki kerosakan tangki air panas yang pecah.
- Dia tidak mempunyai niat yang terselindung daripada tindakannya itu.

(*c*) **Kita mestilah sabar menghadapi cabaran dan dugaan hidup.**
- Waheeda begitu sabar berhadapan dengan sikap cemburu buta, panas baran dan kata-kata fitnah daripada suaminya, Zahid terhadap diri dan anak perempuannya, Izzati.

## Latihan

**Set 1**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan perwatakan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan nilai kasih sayang yang terdapat pada setiap novel tersebut.
[8 *markah*]

**Set 2**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang meninggalkan kesan mendalam kepada diri anda dan berikan alasan anda berpendapat demikian.
[8 *markah*]

**Set 3**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan plot sesebuah novel. Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak dan peranan konflik tersebut dalam novel.
[7 *markah*]

(*b*) Bahagian peleraian cerita adalah antara bahagian plot yang menarik serta digemari oleh pembaca. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang membuktikan kenyataan ini.
[8 *markah*]

Scanned by CamScanner

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

Bahasa Melayu

# NOVEL

## Zon 3 - Melaka, Kelantan, Terengganu, dan Pahang

### Novel Pantai Kasih

*Oleh Azmah Nordin* – Tingkatan 4

**1 Tema**
Ketabahan seorang wanita menghadapi pelbagai rintangan dalam hidupnya.

(*a*) **Tabah menghadapi kematian anak perempuannya**
- Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya. Anak perempuan tunggalnya itu adalah seorang anak istimewa, berkromosom lebih iaitu Sindrom Down.
- Sejak menyedari keadaan anaknya sejak dalam kandungan, suaminya meminta agar kandungan itu digugurkan tetapi Raiha tetap mahu melahirkan anak tersebut walaupun mendapat tentangan daripada suaminya.
- Kematian anaknya itu amat menyeksakan jiwa Raiha yang tetap menyalahkan bahawa Doktor Sadiz telah dengan sengaja membakar anaknya itu.

(*b*) **Tabah menghadapi kegagalan rumah tangganya**
- Kegagalan rumah tangga antara Raiha dengan suaminya Doktor Sadiz disebabkan keengganan Raiha mendengar nasihat suaminya agar menggugurkan kandungannya yang didapati cacat atau Sindrom Down.
- Raiha juga melebihkan perhatian kepada anaknya apabila sudah dilahirkan menyebabkan suaminya marah.
- Kegagalan dalam rumah tangga itu dihadapi dengan tabah walaupun sanak saudaranya pada peringkat awal menyokongnya tetapi semakin berkurang selepas peristiwa itu.

(*c*) **Tabah menghadapi tentangan ayahnya yang menghalang cita-citanya menjadi pakar bedah**
- Raiha tabah menghadapi bangkangan ayahnya terhadap cita-citanya hendak menjadi pakar bedah.
- Ayahnya berkeras agar Raiha tidak meneruskan niat untuk menjadi pakar bedah sepertinya kerana beranggapan bahawa tugas sebagai seorang pakar bedah hanya mampu dilakukan oleh orang lelaki sahaja yang tahan dari segi fizikal dan mental.

**2 Persoalan**
(*a*) **Persoalan tentang kepentingan diri melebihi kepentingan masyarakat**
- Sikap individualistik dan materialistik digambarkan melalui watak Doktor Uwang yang tidak menghiraukan kesusahan pesakitnya Unong asalkan berkemampuan mendapatkan rawatan.
- Doktor Uwang juga sanggup menghantar anak perempuan tunggalnya duduk di sekolah berasrama seawal usia tujuh tahun semata-mata untuk tidak mengganggu rutin dan statusnya.
- Tambahan pula anak itu adalah hasil keterlanjurannya walhal dia memang tidak pernah menginginkan anak apabila berumah tangga.

(*b*) **Persoalan tentang sikap tidak bermoral dalam kehidupan berumah tangga**
- Sikap Doktor Uwang yang masih berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga menggambarkan bahawa dia seorang yang suka bebas dan tidak bermoral.
- Walaupun sudah berumah tangga tetapi beliau tetap mengunjungi kelab-kelab malam dan minum arak bersama-sama gadis pelayan dan kemudiannya berakhir ke ranjang.
- Sikap ini menjadikan dia seorang yang liar dan sosial walaupun setelah menjadi suami dan bapa.

(*c*) **Persoalan tentang kepentingan sikap bertanggungjawab dalam pekerjaan**
- Raiha bersetuju untuk melakukan pembedahan ke atas Unong walaupun dia berasa bahawa Dokor Uwang lebih layak melakukan pembedahan tersebut.
- Raiha juga berasa bahawa menjadi tanggungjawabnya melakukan pembedahan ke atas Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan merempuh tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih.
- Dia terpanggil menunaikan tanggungjawabnya demi menyelamatkan nyawa doktor tersebut.

**3 Nilai**
(*a*) **Nilai kerajinan**
- Nilai kerajinan diperlihatkan melalui sikap Sister Felicia yang asalnya belajar di kawasan pedalaman di Inanam.
- Hasil sikap kerajinannya itu, dia berjaya belajar hingga menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu.

(*b*) **Nilai ketekunan**
- Nilai ketekunan digambarkan melalui watak Raiha yang tekun belajar sehingga menjadi seorang pakar bedah sama seperti ayahnya.
- Cita-citanya itu tidak direstui oleh ayahnya yang merupakan seorang pakar bedah.
- Walau bagaimanapun, atas ketekunannya mengharungi pelbagai cabaran telah menjadikan dia seorang pakar bedah dan diterima berkhidmat di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

(*c*) **Nilai keberanian**
- Raiha berani mempertahankan pendiriannya bahawa punca kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh Doktor Sadiz.
- Sikapnya yang berani itu ditentang oleh Doktor Sadiz sehinggakan kes mereka itu berlarutan dan menjejaskan nama baiknya sendiri.
- Sikapnya itu juga tidak disenangi oleh keluarganya sendiri kerana dianggap seperti menegakkan benang yang basah.
- Apatah lagi Sister Felicia tidak muncul untuk menjadi saksi di mahkamah sehingga Raiha kalah dalam kes tersebut.

**4 Pengajaran**
(*a*) **Kita hendaklah menetapkan matlamat dan cita-cita dalam kehidupan.**
- Raiha berjaya menjadi seorang pakar bedah setelah belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran.
- Walaupun cita-cita Raiha untuk menjadi pakar bedah tidak direstui tetapi dengan matlamat hidup yang jelas, cita-cita Raiha akhirnya berjaya dicapai.

(*b*) **Kita hendaklah menghormati hak orang lain.**
- Setiap orang mempunyai hak dan hak orang lain itu perlu dihormati.
- Unong Siron berhak untuk mendapat kesihatan baiknya semula, tetapi Pusat Rawatan Pantai Kasih telah menyebabkan wang insurans akibat kemalangan jalan raya dihabiskan untuk menampung kos enam kali pembedahan.
- Pusat Rawatan Pantai Kasih tidak menghormati hak pesakitnya.

(*c*) **Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap tindakan kita.**
- Doktor Sadiz tidak bertanggungjawab kerana menyalahkan Raiha atas kematian anak perempuannya.
- Dia merahsiakan perkara sebenar yang berlaku dan menghukum Raiha atas peristiwa hitam itu.
- Apabila seseorang melakukan tindakan, dia seharusnya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesan daripada tindakan tersebut.

### Novel Bimasakti Menari

*Oleh Sri Rahayu Mohd Yusop* – Tingkatan 5

**1 Tema**
Kegigihan anak muda dalam usaha melestarikan alam sekitar.
- Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah bersatu hati dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar.
- Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang.
- Mereka telah berusaha mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara.
- Muhammad Taufik pula sedang mengusahakan projek perumahan Ikhtiar Tekno Alam dengan membina rumah mesra alam.

**2 Persoalan**
(*a*) **Persoalan kebijaksanaan menjawab persoalan dan permasalahan**
- Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor.
- Nurul Hafsa menjelaskan pada malam itu bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit tidak menjadi gelap pada waktu malam.

(*b*) **Persoalan hubungan kasih sayang antara ibu dengan anak**
- Puan Wickham tetap mengambil berat tentang projek Ikhtiar TeknoAlam yang diusahakan anaknya, Muhammad Taufik walaupun mereka jarang-jarang dan sukar untuk bertemu.

(*c*) **Persoalan cinta akan alam sekitar**
- Budiman dan adiknya sama-sama prihatin terhadap pencemaran cahaya yang berlaku di Kuala Selangor.
- Mereka berazam untuk menyelamatkan Kuala Selangor daripada pencemaran akibat pembangunan yang tidak terancang dengan sistematik.

**3 Nilai**
(*a*) **Kebijaksanaan**
- Nurul Hafsa merupakan graduan lulusan Universiti Jordan dalam bidang fizik dan kaji falak.
- Dia bertugas sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor.

(*b*) **Kejujuran**
- Nurul Hafsa jujur mengakui kegagalan mencerap keseluruhan buruj Orion kepada kumpulan kanak-kanak dari Hiroshima, Jepun.
- Hal ini berpunca daripada pencemaran cahaya.

(*c*) **Keyakinan**
- Nurul Hafsa berjanji kepada kumpulan kanak-kanak dari Hiroshima, Jepun bahawa dia akan menangani masalah kegagalan mencerap bintang dengan mata kasar di Kuala Selangor.

(*d*) **Berjimat cermat / berhemat**
- Haji Yassir menadah air hujan di dalam tempayan untuk kegunaan menyiram pokok dan membasuh, walaupun di rumahnya ada bekalan air paip.

**4 Pengajaran**
(*a*) **Kita mestilah menyayangi ibu yang banyak berjasa.**
- Muhammad Taufik sayang akan ibunya walaupun ibunya telah berpisah dengan bapanya.

(*b*) **Kita mestilah menjaga maruah diri.**
- Muhammad Taufik bercakap dengan baik ketika Nurul Hafsa datang ke rumahnya untuk menjaga maruah diri.

(*c*) **Kita mestilah sayang kepada alam sekitar ciptaan Tuhan dengan memeliharanya daripada tercemar.**
- Muhammad Taufik telah membina rumah rumah tradisional Melayu yang menggunakan teknologi mesra alam.

(*d*) **Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan.**
- Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman bekerjasama untuk mengembalikan kelip-kelip di Kampung Kuantan.

### Latihan

**Set 1**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan nilai kejujuran sebagaimana yang terdapat dalam watak novel tersebut.
[8 *markah*]

**Set 2**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** persoalan tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** keisitimewaan watak utama.
[8 *markah*]

**Set 3**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan kesan peristiwa tersebut kepada pembaca.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang memaparkan pengajaran tentang kerjasama sebagai unsur pendidikan moral kepada pembaca.
[8 *markah*]

Scanned by CamScanner

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

# NOVEL

Zon 4 - Johor, Sarawak, Sabah, WP Labuan

## Novel Di Sebalik Dinara

*Oleh Dayang Noor* – Tingkatan 4

**1 Tema**

- Persaingan sengit dan perlumbaan dalam bidang sains.
- Persaingan dalam penciptaan sains dan teknologi sungguh sengit sehingga mampu menghapuskan nilai kemanusiaan seseorang.
- Pada awalnya, Karl telah menerima Medina@Marilyn sebagai pembantu penyelidiknya. Namun begitu, apabila dia menyedari Marilyn lebih hebat daripadanya, dia mula merancang sesuatu untuk melenyapkan pesaingnya itu.
- Marilyn dijadikan bahan uji kaji sehingga akhirnya dia menjadi gila. Walaupun dilabel sebagai orang gila oleh kebanyakan orang, Marilyn tetap meneruskan dendamnya untuk menjatuhkan semula Karl.
- Dia meneruskan inovasi sainsnya dan akhirnya dapat menyebarkan virus ke dalam sistem komunikasi terbaharu yang dihasilkan oleh Karl iaitu Dinara.

**2 Persoalan**

(*a*) **Kecanggihan teknologi pada masa hadapan seiring dengan kemajuan**
- Kelengkapan serba canggih di tempat kerja Aqram, Dr Maxi, Khairul Anwar dan Farisha di Soft Lab, Cyberjaya.
- Rumah Farisha juga dilengkapi alat keselamatan yang canggih seperti 'retinal scanner' dan interkom.

(*b*) **Ketaasuban setengah golongan manusia mengejar kemajuan sains dan teknologi sehingga mengabaikan nilai kemanusiaan**
- Karl terlalu taksub untuk membuktikan kehebatannya dalam ciptaan sains sehingga melenyapkan nilai kemanusiaan.
- Karl telah mengorbankan ramai manusia dan menjadikan mereka sebagai bahan eksperimen kajian.
- Karl menanam pelbagai implan dan memasukkan pelbagai ubat dalam tubuh anaknya untuk menjadikannya genius agar mampu meneruskan kebijaksanaannya dalam bidang sains.

(*c*) **Kasih sayang dalam keluarga**
- Azraai sangat menyayangi adik angkatnya, Farisha dengan sentiasa memastikan keselamatan adiknya dalam keadaan yang terkawal.
- Azraai telah memasang 'retinal scanner' dan interkom di pintu masuk rumah Farisha untuk memantau sistem keselamatan di apartment adiknya demi memastikan keselamatannya.

(*d*) **Kepincangan institusi keluarga**
- Karl gagal menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami dengan baik. Dia mengajak isterinya, Rusmina untuk meninggalkan agama.
- Rusmina telah diseksa hingga cacat apabila enggan mengikut Karl meninggalkan agama dan hidup sebagai atheis.
- Karl telah menjadikan anaknya sendiri iaitu Farisha sebagai bahan uji kaji untuk membuktikan kehebatannya dalam bidang sains.

**3 Nilai**

(*a*) **Kesyukuran**
- Farisha bersyukur kerana diambil sebagai anak angkat dan dibesarkan dalam keluarga penuh nilai keislaman. Dia tidak dapat membayangkan bentuk kehidupannya jika dia membesar melalui acuan didikan bapa kandungnya, Karl.

(*b*) **Kasih sayang**
- Hubungan kasih sayang antara dua adik-beradik yang cukup jelas antara Farisha dengan Azraai.
- Azraai sangat mengambil berat perihal keselamatan adiknya sehingga sanggup memasang 'retinal scanner' dan interkom yang bersambung ke rumahnya.

(*c*) **Kebijaksanaan**
- Farisha seorang gadis yang sangat bijak dalam bidang sains dan teknologi.
- Kebijaksanaan ini telah terbukti apabila dia dapat menggodam sistem komputer dengan hebat.
- Kebijaksanaan dia berpunca daripada implan yang telah dipasang di badannya sejak kecil dan pelbagai jenis ubat untuk menjadikannya genius telah dimasukkan ke dalam badannya oleh bapanya, Karl.

**4 Pengajaran**

(*a*) **Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita.**
- Azraai tahu Farisha hanya anak angkat dalam keluarganya, namun begitu dia sangat menyayangi adiknya itu.
- Dia selalu mengambil berat dan memantau pergerakan adiknya.
- Dia juga memasang alat kawalan keselamatan di apartmen Farisha.
- Dia juga selalu menjadi tempat rujukan adiknya untuk banyak perkara.

(*b*) **Kita hendaklah berfikir sebelum membuat keputusan.**
- Farisha tidak tergesa-gesa menerima tawaran Aqram dan Soft Lab untuk projek mini bernilai tinggi.
- Sebaliknya, Farisha meminta pandangan abangnya yang lebih berpengalaman iaitu Azraai.

(*c*) **Kita haruslah menghormati orang yang berada di sekitar kita.**
- Wanita yang ditemui oleh Farisha di Lapangan Terbang Senai tidak seharusnya bercakap di telefon dengan suara yang kuat sehingga mengganggu orang lain di sekitarnya.
- Rasa saling menghormati penting untuk membina keharmonian dan menjaga ketenteraman persekitaran.

(*d*) **Kita haruslah sedaya upaya menyempurnakan amanah yang diberikan kepada kita.**
- Dr Maxi berusaha untuk menunaikan amanah yang diberikan oleh Karl iaitu mencari Farisha sehingga jumpa.
- Farisha amat penting untuk menyelamatkan masa depan Dinara.

**5 Latar masyarakat**

(*a*) **Masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam kehidupan berkeluarga.**
- Azraai dan Farisha saling menyayangi.
- Dua adik-beradik ini saling mengambil berat dan risau akan keselamatan antara satu sama lain.
- Azraai kerap menelefon adiknya dan memasang interkom yang bersambung antara apartmen Farisha dengan rumah Azraai.

(*b*) **Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.**
- Wanita di lapangan terbang yang bercakap di telefon dengan suara yang kuat.
- Dia tidak mengendahkan perasaan orang yang ada di sekelilingnya sehingga membuat Farisha berasa jengkel.

(*c*) **Masyarakat yang suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri.**
- Marilyn@Medina dan Karl saling bersaing sengit untuk menunjukkan kehebatan masing-masing dalam dunia penyelidikan sains.
- Karl tidak dapat menerima kenyataan yang Marilyn lebih hebat daripadanya.
- Karl telah mensabotaj Marilyn sehingga menjadi gila.

(*d*) **Masyarakat yang celik ilmu sains dan teknologi.**
- Farisha, Marilyn@Medina dan Karl merupakan antara contoh masyarakat yang sangat hebat dalam dunia sains dan teknologi.
- Mereka mampu mencipta program baharu dan mampu juga menggodam komputer.
- Azraai juga seorang yang pakar dalam sains dan teknologi serta mengaplikasikannya di rumahnya dan apartmen Farisha.

## Novel Silir Daksina (Tingkatan 5)

*Oleh Nizar Parman* – Tingkatan 5

**1 Tema**

Pengorbanan anak muda untuk mempertahankan warisan seni kebudayaan dan kesusasteraan demi memenuhi amanat arwah ayahnya.
- Haiqal tetap pergi ke kampung halaman ayahnya iaitu Kampung Purnama walau dihalang oleh uminya untuk menjejaki kehidupan ayahnya, Abdullah bin Kayan.
- Haiqal sanggup mempelajari seni kesusasteraan dan kebudayaan demi memenuhi amanat arwah ayahnya.
- Haiqal sentiasa mencari jalan untuk menyambung manuskrip yang ditulis oleh ayahnya, iaitu mewujudkan aksara semula kerana dia berhasrat ingin menjadi seperti ayahnya.

**2 Persoalan**

(*a*) **Sastera dan budaya semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda**
- Tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan anak-anak muda Kampung Seri Purnama.
- Sebaliknya, mereka lebih gemar berkumpul sesama mereka dan menaiki motosikal masing-masing.

(*b*) **Ikatan kasih sayang dan hubungan kekeluargaan akan berkekalan dan sukar diputuskan**
- Haiqal yang dipisahkan oleh uminya daripada ayahnya sejak kecil telah menghadapi konflik untuk mengetahui sejarah hidup arwah ayahnya itu.
- Keinginan kuat itu membawa Haiqal pulang ke Kampung Purnama untuk menjejaki arwah ayahnya, Abdullah Kayan.

(*c*) **Sikap setia kawan dalam menjalinkan persahabatan**
- Haiqal telah menenangkan Ratna yang menangis dan berasa sedih kerana mendapat keputusan SPM yang tidak memuaskan.

(*d*) **Sikap ego dan mementingkan diri mengundang penyesalan**
- Umi Haiqal yang mempunyai sikap ego terhadap suaminya sanggup memisahkan Haiqal daripada ayahnya.
- Keegoannya itu telah menjadikan Haiqal membesar tanpa kasih sayang seorang ayah.

**3 Nilai**

(*a*) **Kasih sayang**
- Haiqal amat menyayangi umi dan walidnya walaupun dia tahu bahawa walidnya bukan bapa kandungnya.
- Haiqal juga menyayangi bapanya, Abdullah Kayan walaupun sudah terpisah sejak kecil.

(*b*) **Amanah**
- Tauke Ong menjaga amanah yang diberikan oleh arwah Cikgu Abdullah sebelum Haiqal tiba di Kampung Seri Purnama.

(*c*) **Baik hati**
- See Hwa akan membantu Haiqal walau apa-apa sahaja yang dia usahakan.

(*d*) **Ketabahan**
- Abdullah Kayan tabah apabila dia tidak berjaya membawa Haiqal tinggal bersama-samanya di Kampung Seri Purnama.
- Dia tabah menahan kerinduan terhadap anaknya yang sudah bertahun-tahun terpisah dan hanya ditemui ketika berusia 6 tahun.

**4 Pengajaran**

(*a*) **Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita.**
- Haiqal amat menyayangi ahli keluarganya meskipun dia mendapat tahu bahawa walidnya bukan bapa kandungnya dan Nurul Asiyah hanyalah adik tirinya.
- Kasih sayang terutamanya terhadap ibu dan ayah perlu dipupuk kerana mereka telah banyak berkorban untuk kita.

(*b*) **Kita perlulah tabah dan cekal dengan ujian yang dihadapi dalam hidup.**
- Ayah Haiqal sabar, cekal dan tabah apabila dia tidak berjaya membawa anaknya, Haiqal tinggal bersama-samanya di Kampung Seri Purnama.
- Dia sabar menjalani kehidupan seorang diri dengan menahan kerinduan terhadap anaknya selama bertahun-tahun.

(*c*) **Kita mestilah menghargai jasa atas kebaikan orang kepada kita.**
- See Hwa tidak mengharapkan kebaikan yang diberikan kepada Haiqal dibalas tetapi cukuplah sekadar Haiqal menghargai kebaikannya.

## Latihan

**Set 1**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** keistimewaan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menarik perhatian anda yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

**Set 2**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** nilai kemasyarakatan yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Plot adalah bahagian yang penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa pada bahagian perkembangan dan kesan peristiwa tersebut kepada plot cerita.
[8 *markah*]

**Set 3**

**Soalan 4: Novel**
[15 *markah*]

(*a*) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** kepincangan masyarakat dalam novel tersebut.
[7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **satu** latar masyarakat yang gigih dalam menghadapi cabaran kehidupan yang terdapat dalam novel tersebut.
[8 *markah*]

Scanned by CamScanner

# ANTOLOGI SEJADAH RINDU

## CERPEN CINTA AHMAD MUTAWAKKIL
(Zainal Rashid Ahmad)

**Tema**
- Kegigihan anak muda dalam mendepani pahit getir perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris, Jepun dan Komunis.
- Ahmad Mutawakkil melaungkan kesedaran melalui kelantangan pidatonya kepada masyarakat tentang keburukan penjajah seperti Parti Komunis Malaya.
- Keberanian dan kehebatannya menyebabkan nyawanya melayang di tangan komunis.

**Persoalan**
1. Persoalan perubahan taraf ekonomi masyarakat kampung melalui penawaran peluang pekerjaan
   - Tuan Booth telah mengupah beratus-ratus orang buruh termasuk penduduk kampung sendiri untuk meneroka belukar bagi meluaskan penanaman getah.
2. Persoalan kepentingan amalan berdikari dalam melayari kehidupan
   - Ahmad Mutawakkil belajar berdikari setelah kematian bapanya, Wan Sadir.
   - Dia mencari pengalaman bekerja dengan orang putih.
3. Persoalan implikasi kedatangan penjajah kepada penduduk tempatan
   - Kedatangan penjajah yang membawa kepada serangan demi serangan telah menggugat ketenangan hidup masyarakat kampung.
4. Persoalan tanggungjawab seorang pemimpin terhadap masyarakat yang memerlukan
   - Imam Ngah Deraman bergegas meninggalkan surau selepas solat isyak untuk mencari Ahmad Mutawakkil yang kehilangan tempat bergantung setelah pemergian Tuan Booth sekeluarga akibat kedatangan Jepun.
   - Imam telah mengambil Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkatnya.

**Nilai**
1. Kasih sayang
   - Tuan Booth bertindak membawa semua ahli keluarganya berpindah semasa penjajahan Jepun demi kasih sayangnya kepada keluarga kerana bimbang akan keselamatan ahli keluarganya itu.
2. Ketabahan
   - Masyarakat kampung yang sentiasa tabah dan sabar ketika menghadapi kesusahan hidup semasa penjajahan Jepun dan menghadapi keganasan komunis.
3. Patriotik
   - Ahmad Mutawakkil seorang pemuda yang berjati diri ampuh dengan semangat patriotisme yang tinggi untuk memerdekakan tanah air.
   - Dia berjuang melalui pidato yang lantang dan penulisan dalam menentang penjajahan Inggeris dan komunis.
   - Perjuangannya untuk memupuk kesedaran masyarakat agar bangkit memperjuangkan kemerdekaan tiada taranya.
4. Pengorbanan
   - Sandra yang mencintai Ahmad Mutawakkil dalam diam sanggup menetap di kampung itu selepas kemerdekaan.
   - Dia mengajar anak-anak kampung membaca dan menulis.

**Pengajaran**
1. Kita hendaklah berani dalam memperjuangkan hak dan kebenaran.
   - Ahmad Mutawakkil berani berpidato lantang menyeru penduduk kampung supaya berjuang menuntut kemerdekaan.
   - Ahmad juga berani berdepan dengan risiko kesan daripada kelantangan tersebut walaupun nyawa dan raganya menjadi taruhan.
2. Kita mestilah menghayati semangat patriotisme dengan segenap jiwa.
   - Ahamad Mutawakkil menyeru penduduk kampungnya supaya berjuang menuntut kemerdekaan tanah air daripada cengkaman penjajah.
3. Kita mestilah bekerjasama dan saling membantu untuk memudahkan urusan.
   - Penduduk kampung dan Tuan Booth bekerjasama untuk mencari Ahmad Mutawakkil yang hilang kerana ditangkap komunis.
4. Kita mestilah mengenang jasa baik orang terhadap kita.
   - Ahmad Mutawakkil mengenang budi Tuan Booth yang pernah membesarkannya dengan menghadiri majlis Tuan Booth di banglonya.

## PROSA TRADISIONAL: BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA

**Tema**
Kebijaksanaan pemimpin dalam menyelesaikan masalah dihadapi.

- Tun Perak menyuruh orang lelaki dari Kelang membawa isteri dan anak-anak mereka supaya mereka berperang dengan bermati-matian untuk mengalahkan Siam.

*Persoalan*: Kebijaksanaan merancang strategi untuk menyelesaikan masalah
*Peristiwa*: Sultan Muzaffar menggunakan strategi mengahwinkan Seri Nara Diraja dengan Tun Kudu untuk mendamaikan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja dan mengelakkan perpecahan.

*Persoalan*: Perpecahan dalam kalangan pemimpin akan memecahbelahkan rakyat
*Peristiwa*: Perbalahan antara Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja menyebabkan orang Melayu berpecah dua. Melaka dalam keadaan bahaya kerana rakyat hidup berpuak-puak.

*Persoalan*: Waspada dan kesediaan mendepani ancaman musuh
*Peristiwa*: Paduka Raja sentiasa bersiap sedia dengan strategi awal yang bijak untuk mengalahkan askar Siam.

*Persoalan*: Kepentingan menggunakan ilmu pada jalan kebenaran
*Peristiwa*: Tun Sidi Arab memiliki ilmu yang tinggi hingga boleh membunuh Cau Pandan di Siam hanya dengan menggunakan panahnya dari Melaka.

*Persoalan*: Keberanian menjelaskan rasional setiap tindakan
*Peristiwa*: Tun Perak tidak takut apabila digertak oleh Seri Amerta yang mempertikaikan tindakannya menyuruh orang Kelang membawa anak isteri untuk berperang sebaliknya dia menjawab dengan tenang rasional tindakannya itu.

*Nilai*: Kebijaksanaan
*Peristiwa*: Tun Perak bijaksana apabila mengikat puntung api pada pokok kayu bakau, nyirih dan tumpu api-api pada waktu malam.
Cahaya api itu ditafsirkan sebagai bilangan askar Melaka yang ramai sehingga menakutkan askar Siam.

*Nilai*: Baik hati
*Peristiwa*: Sultan Muzaffar memberikan askarnya yang menang peperangan dengan sepasang persalinan.

*Nilai*: Bersatu padu
*Peristiwa*: Semua lelaki Kelang berkumpul dan bersatu hati untuk menentang askar Siam.

*Nilai*: Keikhlasan
*Peristiwa*: Seri Nara Diraja sepakat menolak perpecahan dan menyokong Paduka Raja dengan ikhlas untuk menjadi Bendahara supaya rakyat Melaka bersatu padu dan kuat.

*Nilai*: Keberanian
*Peristiwa*: Tun Perak dan angkatan Melaka berani menentang askar Siam yang ramai jumlahnya hingga dua kali percubaan Siam menyerang Melaka menemui kegagalan.

## PUISI MODEN: SAJAK ERTI HIDUP BEERTI
(Teo Wei Sing)

**Tema**
- Tema sajak ini ialah kesunyian hidup warga tua yang sentiasa mengharapkan agar anak-anaknya akan datang menziarahinya.
- Penyajak berasa sedih dan sunyi kerana dipinggirkan pada usia senja.
- Dia berharap agar anak-anak datang menziarahinya dan menyayanginya sebagaimana dia menyayangi mereka sewaktu mereka kecil dulu.

**Persoalan**
- Hidup dan mati adalah ketentuan Tuhan yang tidak boleh ditolak
- Kasih sayang dan harapan ibu bapa kepada anak-anak
- Kesunyian hidup pada usia senja
- Nasib warga tua yang terpinggir daripada kehidupan anak-anak
- Penderitaan ibu bapa yang diabaikan oleh anak-anak yang tidak mengenang budi
- Pengorbanan ibu bapa terhadap anak yang tiada tolok bandingnya

**Pengajaran**
- Kita mestilah menyayangi ahli keluarga dan sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka serta menjaga ibu bapa sehingga hari tua mereka.
- Kita perlulah tabah menghadapi ujian hidup demi mematangkan diri, terutamanya tatkala usia senja menjenguk.
- Kita haruslah taat kepada ibu bapa dan tidak melupakan mereka apabila telah dewasa dan berjaya.
- Kita mestilah berdikari walaupun terpaksa melalui hari tua seorang diri.
- Kita mestilah sabar menghadapi segala dugaan hidup dengan hati yang terbuka.
- Kita haruslah menjadi anak yang bertanggungjawab dan prihatin.
- Kita mestilah menjaga kebajikan ibu bapa kita dan membahagiakan mereka dengan apa cara sekalipun.

## PROSA MODEN: DRAMA GERHANA MANUSIA
(Aminah Mokhtar)

**Tema**
- Drama *Gerhana Manusia* menjurus kepada pelanggaran etika kerja kedoktoran akibat sikap pengamal perubatan yang lebih mementingkan keuntungan material berbanding tuntutan merawat pesakit.
- Konflik muncul antara seorang jururawat yang prihatin tersepit dengan tuntutan daripada pihak atasan agar membantu pesakit yang lebih berpengaruh.
- Profesor Dr. Juaidi menyuruh Nusia memberi bantuan darah kepada Tuan Besar Musa kerana Tuan Besar Musa lebih banyak memberi sumbangan kewangan kepada hospital hakikatnya masih ramai lagi pesakit lain yang sangat memerlukan darah tersebut.

**Pengajaran**
1. Kita hendaklah bertindak secara adil dalam memberikan rawatan terhadap pesakit.
2. Kita hendaklah bersepakat dalam membuat keputusan agar menghasilkan jalan penyelesaian yang terbaik.
3. Kita haruslah mengutamakan sesuatu yang lebih penting untuk menangani situasi kritikal.
4. Kita hendaklah mengetepikan kepentingan diri apabila menghadapi masalah yang melibatkan nyawa orang lain.
5. Kita mestilah berani bertindak mengikut pemikiran yang rasional untuk kebaikan semua.

**Nilai**
1. Dedikasi – Dr Murni dan Nusia berdedikasi terhadap tugas sebagai pengamal perubatan.
2. Simpati – Nusia berasa sangat simpati terhadap nasib pesakit yang berada dalam keadaan koma dan kritikal di wad Unit Rawatan Rapi.
3. Keprihatinan – Nusia prihatin akan keadaan beberapa orang pesakit yang kritikal dan memerlukan darah.
4. Ketegasan – Nusia dan Dr Murni tegas dengan mengingkari arahan Profesor Dr Juaidi dalam hal merawat pesakit kerana arahan tersebut tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan.

## SAJAK SEJADAH RINDU
(Mohd Haikal Aminuddin)

**Tema**
- Keinsafan di saat meniti hari-hari terakhir kehidupannya sebelum ajal menjemput.
- Penyajak menyesali dosanya dan memohon diberi peluang untuk mengulang kembali kehidupan yang lalu kerana penyajak sudah benar-benar insaf akan segala khilaf dan dosa silamnya.

**Persoalan**
1. Persoalan keinsafan seorang manusia yang banyak melakukan dosa-dosa silam
   *Contoh*: Merekah keinsafan di hati yang beku mengenang dosaku yang terdahulu.
2. Persoalan keinginan bertaubat daripada dosa-dosa silam
   *Contoh*: Lafaz taubat mengiringi nafas sebak kian mengikuti.
3. Persoalan setiap manusia perlu menginsafi diri untuk memohon keampunan sebelum ajal tiba
   *Contoh*: Moga terbuka ruang keampunan sebelum saat aku dinisankan.
4. Persoalan ajal maut di tangan Tuhan
   *Contoh*: Sebelum saat aku dinisankan di masa yang kau tetapkan.

**Nilai**
1. Keberanian mengakui kesilapan
   *Contoh*: Penyajak berani mengakui segala kesalahan yang pernah dilakukannya.
2. Ketaatan kepada Tuhan
   *Contoh*: Penyajak taat akan perintah Tuhan dengan melaksanakan ibadah solat.
3. Keinsafan
   *Contoh*: Penyajak menyedari kesilapan yang dilakukannya dan bertaubat.
4. Kesyukuran
   *Contoh*: Penyajak bersyukur kerana diberi peluang untuk bertaubat sebelum menemui ajal.
5. Keikhlasan
   *Contoh*: Penyajak ikhlas berdoa dan menyedari dosa-dosanya yang lalu.

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my



## Latihan

### SET 1

**Soalan 2** (*b*) **- Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Usai solat Maghrib - ketika Imam Ngah Deraman sedang berdoa, dengan tubuh dipaling ke kanan menghadap Penghulu Ibrahim Sigap, dan kami para makmum pula, sepatah demi sepatah, mengaminkan setiap baris kalimah - di pintu surau, terdengar suara orang memberi salam. Perlahan dan sangat rengsa bunyinya.

Sambil berdoa, Imam Ngah Deraman berpaling - disusuli Penghulu Ibrahim Sigap. Melihat saja, mata kedua-duanya tiba-tiba terjegil, dan nampak sangat terperanjat. Dengan telapak tangan yang masih menadah doa, kami segera menoleh. Dek pelita ayan yang tergantung pada alang beranda sangat terang cahayanya, maka susuk tubuh dan wajah lelaki yang tersepuk di muka pintu segera kami kenal akan gerangannya.

Dialah Ahmad Mutawakkil. Wajahnya berkerut-kerut; kedua-dua matanya terpejam. Kemeja putih ala-ala peon British dipenuhi darah, manakala seluar kelabunya dipenuhi kotoran. Malah, calitan lumpur dan sisa-sisa daun kering turut melekat pada muka dan rambutnya.

Dipetik daripada cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Gambaran perwatakan luaran Ahmad Mutawakkil menimbulkan tanda tanya kepada jemaah surau, jelaskan kenyataan ini. [2 *markah*]

(ii) Jika anda berada di surau tersebut, apakah reaksi anda terhadap Ahmad Mutawakkil untuk menunjukkan keprihatinan anda? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen tersebut. [4 *markah*]

**Soalan 2** (*c*) **- Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap bahawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah *maka demikian fiil tuan*?" Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba, kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud rangkai kata *maka demikian fiil tuan*? [2 *markah*]

(ii) Sekiranya anda ialah Tun Perak, selain membawa anak isteri ke medan perang, apakah strategi yang lebih bernas untuk memenangi pertempuran tersebut? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** persoalan dalam petikan dan **satu** lagi persoalan yang terdapat dalam keseluruhan prosa tradisional ini. [3 *markah*]

**Soalan 2** (*d*) **- Puisi modern**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Erti Hidup Beerti**
Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
*dari angah ditendang ke sulung balik*
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

**Teo Wei Sing**
Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *dari angah ditendang ke sulung balik*. [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka menginsafi peranan dan tanggungjawab mereka apabila dewasa kelak? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak. [4 *markah*]

### SET 2

**Soalan 2** (*b*) **- Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil, Solehah." Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. "Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu, tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu...," sebak menyendat di dadanya.

"Dapatkan 10 pek darah sekarang!" Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. "Dapatkan di hospital lain; segera."

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

"Awak tahu siapa Tuan Besar Musa itu? Korporat, teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit kita. Kita tak mahu dia mati. Dia dermawan yang prihatin. Kita begitu terhutang budi kepadanya. Makan malam tahunan kita yang beratus-ratus ribu itu ditaja olehnya." Tekanan darah Solehah semakin rendah. Jeritku menyapa kuping Profesor Doktor Juaidi. Dia menoleh.

"Berikan *gelafundin*," arahnya acuh tak acuh. "Dia memerlukan darah." Hatiku pilu tiba-tiba.

"Kandungan *gelafundin* itu seakan-akan darah." Mata bulat berkening lebat doktor tua itu terjegil. "Paling tidak pun dapat meningkatkan tekanan darah. Sekurang-kurangnya, dia tidak mati untuk hari ini."

Dipetik daripada 'Gerhana Manusia'
oleh Aminah Mokhtar
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah kata-kata 'Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil' diungkapkan oleh watak aku kepada Solehah? [2 *markah*]

(ii) Tanggungjawab seorang doktor adalah untuk menyelamatkan nyawa pesakit, sebagai seorang doktor apakah tindakan anda apabila berdepan dengan pesakit yang tidak berkemampuan membayar kos perubatan? [3 *markah*]

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen tersebut. [4 *markah*]

**Soalan 2** (*c*) **- Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Siti Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan." Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, *sungguhlah tuan keramat*." Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi: Cau Pandan anak Bubunnya, Hendak menyerang ke Melaka; Ada cincin berisi bunga, Bunga berladung si air mata.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *sungguhlah tuan keramat* dalam petikan di atas. [2 *markah*]

(ii) Melaka bertuah kerana memiliki Tuan Sidi Arab sebagai pakar memanah yang luar biasa. Nyatakan alasan untuk menyokong kenyataan ini. [3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, apakah pakar-pakar yang diperlukan untuk memperkukuh sesebuah negara, berikan alasan kepada pendapat anda? [3 *markah*]

**Soalan 2** (*d*) **- Puisi Moden**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Sejadah Rindu**
Terkedu aku di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu -
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
*sebelum saat aku dinisankan*
di masa yang kau tetapkan.

Air mata menjadi saksi keikhlasan
menjadi bukti
akhirnya aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh jiwa yang kaku
tersentuh ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia yang taat
sentiasa pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

**Mohd Haikal Aminuddin**
Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *sebelum saat aku dinisankan*. [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mendorong seseorang itu menginsafi segala kesalahan silamnya? [3 *markah*]

(iii) Huraikan tindakan watak penyajak seperti tergambar dalam sajak yang membuktikan dirinya telah insaf dan bertaubat. [4 *markah*]

Scanned by CamScanner

SKOR
Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my
Bahasa Melayu

# ANTOLOGI JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL

## CERPEN MUNSYI (Husna Azhari)

**Tema**

- Semangat patriotik segelintir rakyat Malaysia yang mementingkan isu bahasa, agama, bangsa dan budaya untuk difikirkan serta dipelihara sebagai warisan kepada generasi muda.
- Contohnya: Ibu kerap menasihati 'saya' agar memelihara dan cinta akan agama, budaya dan bahasa agar dihormati oleh orang. Sifat patriotik ini akan lebih dapat dihayati jika kita meneladani sejarah silam dan mengambil iktibar daripadanya.

**Nilai**

1. Patriotik
   Bonda menasihati Mel agar sentiasa memelihara bahasa ibunda dan agama.
2. Ketaatan
   Mel tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar kerana dia akui ada rasional yang kuat di sebalik larangan itu.
3. Kegigihan
   Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.
4. Amanah
   'Saya' menyampaikan amanah bondanya iaitu menyerahkan buku-buku kepada Munsyi ketika 'saya' pergi ke bandar.
5. Menghargai sejarah
   Mel cuba menelusuri sejarah dengan membaca buku-buku lama sejarah tentang bangsa dan negara.

**Pengajaran**

1. Kita hendaklah taat dan akur pada nasihat ibu bapa.
   Mel tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar dan mendengar nasihat ibunya dengan teliti.
2. Kita haruslah menghargai jasa pejuang negara dengan mengisi kemerdekaan negara dengan perkara yang berfaedah.
3. Kita hendaklah rajin menelaah untuk memperkaya ilmu pengetahuan.
   Mel telah mengkaji teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* serta membaca banyak buku lama milik ibunya.
4. Kita mesti sentiasa berusaha dan menghindari sikap putus asa.
   Mel meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.
5. Kita haruslah bijak mencari peluang untuk memajukan diri walaupun terpaksa berhijrah ke bandar.
   Mel ingin pergi ke bandar untuk meninjau peluang pekerjaan demi menjamin kehidupan yang lebih baik.

## GURINDAM DUA BELAS FASAL KETIGA

**Tema**

- Nasihat dalam memelihara anggota diri / tubuh badan seperti mata, lidah, telinga dan kaki.
- Gurindam ini memberi nasihat supaya memelihara nafsu, hati dan juga berbudi pekerti.

| Persoalan | Maksud Mengikut Rangkap | Nilai |
|---|---|---|
| 1. Persoalan kewajipan memelihara penglihatan dalam kehidupan | Rangkap 1<br>Mata haruslah dipelihara sebaik-baiknya supaya tidak melihat sesuatu perkara yang dilarang oleh Tuhan. | 1. Nilai kebijaksanaan<br>– Kebijaksanaan dalam menuturkan kata-kata |
| 2. Persoalan pentingnya memelihara pendengaran daripada perkara yang melalaikan | Rangkap 2<br>Telinga perlu dijauhkan daripada mendengar segala hasutan dan kejian. | 2. Nilai kesederhanaan<br>– Kesederhanaan ketika menjamu selera |
| 3. Persoalan kebaikan memelihara tutur kata | Rangkap 3<br>Seseorang yang menjaga tutur kata akan mendapat banyak manfaatnya. | 3. Nilai kesabaran<br>– Kesabaran menjaga mata daripada melihat perkara negatif |
| 4. Persoalan menjaga tangan daripada perbuatan mencuri dan mengambil hak orang lain | Rangkap 4<br>Tangan perlu dipelihara daripada mengambil barang yang bukan hak kita. | 4. Nilai keimanan<br>– Kesungguhan menjaga hati daripada melakukan perkara yang lalai dan maksiat |
| 5. Persoalan mengawal nafsu makan supaya kita tidak terlalu kenyang hingga menjadi malas dan kesihatan terjejas | Rangkap 5<br>Nafsu makan perlu dikawal supaya tidak mengakibatkan kemudaratan. | 5. Nilai berhati-hati / berwaspada<br>– Menjaga lidah sebelum bercakap kerana bimbang akan menyebabkan fitnah dan sakit hati orang kepada kita |
| 6. Persoalan menjaga hati sebagai teras semangat hidup seseorang. | Rangkap 6<br>Hati hendaklah sentiasa dijaga agar bersemangat melakukan melakukan kebaikan. | |
| | Rangkap 7<br>Anggota kaki perlulah dipelihara daripada melangkah ke tempat-tempat yang maksiat. | |

## SANG GEMBALA KUDA (Mohd Hashim Othman)

**Tema**

- Menceritakan tentang tugas penjaga kuda yang mampu mengawal kudanya dengan penyembat sebagai lambang kekuatan dan kekuasaannya di kandang.

**Persoalan**

1. Persoalan kemahiran penjaga kuda mengawal kuda di sesebuah kandang kuda
   – Berbekalkan suara yang kuat dan cemeti gembala kuda dapat mengawal kudanya dengan baik.
2. Persoalan kesetiaan kuda kepada sang gembala
   – Kuda taat kepada tuannya asalkan diberikan makanan yang cukup.
3. Persoalan kekuasaan dapat dicapai oleh kebolehan mengawal sesuatu kumpulan
   – Gembala kuda sentiasa tahu cara mengawal kumpulan kudanya agar akur pada arahannya.
4. Persoalan kehidupan kuda yang sentiasa dikerah tenaga demi kepentingan manusia
5. Persoalan penganiayaan terhadap haiwan
   – Kuda sering dikerah kudratnya untuk kepentingan manusia.

**Nilai**

1. Keberanian
   – Gembala kuda berani menempuh berbagai-bagai kepayahan dan rintangan sewaktu menjaga kuda-kuda itu.
2. Tanggungjawab
   – Gembala kuda bertanggungjawab menjaga kuda tunggangannya dengan mengurus makan dan minum dengan baik.
3. Kebijaksanaan
   – Gembala kuda bijak menggunakan kemahirannya ketika dia menghalau kuda-kuda itu masuk ke kandang.
4. Kegigihan
   – Gembala kuda gigih melaksanakan tugasnya menjaga kuda-kuda tunggangan walaupun terpaksa menggunakan kekerasan terhadap kuda-kuda itu.
5. Kepatuhan
   – Sekumpulan kuda digambarkan patuh akan arahan sang gembala kuda.

## JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL (Maskiah Masrom)

**Tema**

- Pengalaman berharga seorang pelancong yang suka melancong hingga terjerat dengan pembelian jaket kulit kijang yang tidak disengajakan demi menjaga hati dan menggembirakan penjual jaket dan rakannya.
- Namun kemudiannya dia menyesal dan menjual semula jaket tersebut demi mengelakkan pembunuhan haiwan-haiwan yang dilindungi seperti kijang ini terus berleluasa dan menyebabkan kepupusan.

**Latar Masyarakat**

1. Masyarakat elit
   – Ahli rombongan yang terdiri daripada guru dan pensyarah.
2. Masyarakat yang gigih bekerja untuk menampung kehidupan seharian
   – Encik Yuksel bekerja sebagai pemandu pelancong dan pekedai Turki yang menjual barangan kulit.
3. Masyarakat kota yang miskin dan susah
   – Wanita tua terpaksa menjual makanan burung.
   – Remaja kurus serta lelaki tua terpaksa menjual barangan pasaran gelap.
4. Masyarakat yang suka melancong
   – Aku serta 30 orang ahli rombongan telah melawat negara Turki.
5. Masyarakat yang suka akan barangan mewah dan berjenama
   – Haji Helmi dan isterinya cikgu Juliah telah membeli sebanyak empat helai jaket kulit berwarna kuning keemasan dengan harga AS$150 sehelai.
6. Masyarakat yang tidak prihatin kepada haiwan
   – Seekor atau lebih daripada seekor kijang akan dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit yang menjadi lambang kemewahan insan.

**Nilai**

1. Kegigihan
   – Pekedai Turki begitu gigih dan tidak berputus asa meyakinkan pelanggannya agar membeli barangan kulitnya.
2. Keprihatinan
   – Aku begitu prihatin dengan pembunuhan haiwan kijang yang diambil kulitnya untuk dibuat jaket.
3. Berjimat cermat
   – Aku telah membuat senarai barangan yang perlu dibeli untuk dibawa pulang agar tidak melebihi perbelanjaan asal.
4. Keikhlasan
   – Aku dengan ikhlas memberi derma kepada pengemis seperti pengait benang, kanak-kanak bersama-sama datuknya yang buta serta lelaki tua yang cacat anggotanya.
5. Pemurah
   – Aku memberika LT5 kepada wanita yang menjual makanan burung walhal makanan itu cuma berharga LT1.

## SYAIR BIDASARI

**Tema**

- Cabaran yang dihadapi oleh seorang Raja dalam memerintah negara.
- Pemerintahan Raja di desa negeri Kembayat menjadi huru-hara apabila negara baginda ditimpa musibah.

**Persoalan**

1. Kebijaksanaan seorang Raja yang memerintah negara
   – Sultan halifah akas bestari
2. Keadilan seorang pemerintah
   – Melimpah ngadil dagang senteri
3. Tanggungjawab semasa menjalankan tugas
   – Raja negeri Kembayat merupakan Raja yang bertanggungjawab kerana baginda mengambil peduli masalah yang menimpa negeri baginda.
4. Cabaran dan musibah yang melanda sesebuah negara
   – Melayanglah unggas dari angkasa,
   Unggas garuda sangat perkasa,
   Menjadi negeri rosak binasa.
5. Kasih sayang terhadap isteri
   – Raja negeri Kembayat amat menyayangi permaisuri baginda yang sedang beberapa bulan hamil.

**Pengajaran**

1. Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin dengan amanah.
2. Kita mestilah taat dan patuh akan perintah ketua atau pemimpin demi kesejahteraan negara.
3. Kita perlulah bijaksana dalam merangka dan membuat persediaan untuk menghadapi bencana / musibah.
4. Kita hendaklah menjadi pemimpin yang adil agar disenangi oleh rakyat.
5. Kita haruslah bersiap siaga setiap masa bagi menghadapi sebarang ancaman musuh atau malapetaka yang tidak diduga.

## SAJAK AKU MEMBACA LAGI (Razali Mohd Yussof)

**Tema**

- Bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan dan dipandang sepi oleh masyarakat.
- Penyajak meluahkan kekecewaannya terhadap nasib bahasa Melayu yang tidak terbela dan semakin diremehkan peranannya oleh masayarakat.

**Persoalan**

1. Keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan
   *Contoh*: Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan panorama banjaran gunung.
2. Kedaulatan bahasa Melayu yang kian lenyap
   *Contoh*: Penyajak mendapati bahawa semakin lama semakin kurang usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia.
3. Kesedihan pejuang bahasa terhadap nasib bahasa Melayu
   *Contoh*: Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak diendahkan oleh semua pihak.

**Pengajaran**

1. Kita mestilah bersyukur akan kurniaan Tuhan.
   *Contoh*: Penyajak menghayati dengan penuh kesyukuran keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan melalui penghayatan kepada awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan panorama banjaran gunung.
2. Kita mestilah mencintai bahasa dengan sepenuh jiwa.
   *Contoh*: Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih dan hiba melihat nasib bahasa Melayu yang tidak lagi menjadi prioriti dalam kehidupan.
3. Kita mestilah menghargai alam sekitar pinjaman daripada Tuhan.
   *Contoh*: Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan dengan penuh kagum dan insaf untuk memastikan alam tersebut terus lestari.

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my



## Latihan

### SET 1

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama. Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya. Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi',
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Sistem pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah di negara kita adalah faktor yang menghalang perpaduan di negara kita sehingga kini. Jelaskan. [2 markah]

(ii) Generasi muda masa kini perlu mengambil iktibar daripada peristiwa 13 Mei yang menjadi sejarah hitam kepada negara. Pada pendapat anda, apakah peranan anda sebagai warganegara Malaysia untuk mengeratkan perpaduan dan mengekalkan keharmonian negara? [3 markah]

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

**Soalan 2 (c) - Puisi Tradisional**

*Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

*Apabila terpelihara mata,*
*Sedikitlah cita-cita.*

*Apabila terpelihara kuping,*
***Khabar yang jahat tiadalah damping.***

*Apabila terpelihara lidah,*
*Nescaya dapat daripadanya faedah.*

*Bersungguh-sungguh engkau memeliharakan tangan,*
*Daripada segala berat dan ringan.*

*Apabila perut terlalu penuh,*
*Keluarlah fiil yang tiada senonoh.*

*Anggota tengah hendaklah diingat,*
*Di situlah banyak orang yang hilang semangat.*

*Hendaklah peliharakan kaki,*
*Daripada berjalan yang membawa rugi.*

Dipetik daripada 'Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga'
oleh Zaaba
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Dewan Bahasa Pustaka

(i) Berdasarkan gurindam di atas, nyatakan contoh 'khabar yang jahat tiadalah damping' tersebut. [2 markah]

(ii) Gurindam di atas menjelaskan tentang kepentingan kita memelihara anggota badan dan pancaindera kita. Pada pendapat anda, apakah cara terbaik untuk kita memelihara lidah dan mulut kita dalam kehidupan seharian? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 markah]

**Soalan 2 (d) - Puisi Moden**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**SANG GEMBALA KUDA**

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
*menentang semua kebobrokan.*

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi.

Dipetik daripada sajak 'Sang Gembala Kuda'
oleh Mohd Hashim Othman,
antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *menentang semua kebobrokan*. [2 markah]

(ii) Jika sang gembala kuda dalam sajak di atas dilambangkan seperti pemimpin yang memimpin pengikutnya, pada pendapat anda, bagaimanakah sewajarnya seorang pemimpin yang baik menyantuni pengikutnya? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak. [4 markah]

### SET 2

**Soalan 2 (b) - Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kedua-dua belah tanganku menggigil di dalam poket jaket kain. Kedua-dua belah kakiku yang bersarung stoking bulu kambing di dalam kasut kulit, turut terasa dingin. Aku tidak dapat membayangkan jika aku menjadi wanita tua yang menjual makanan burung di situ. Pakaiannya hanya kain kapas nipis. Tudungnya ditarik menutupi sebahagian mukanya yang merah kesejukan. Kakinya berstoking lusuh. Kasutnya, aku tidak pasti sama ada aku sedang melihat warna stoking kehijauan di hujung kasutnya yang koyak, atau warna kasutnya. Aku membeli tiga piring makanan burung dan memberinya LT5 walaupun harga satu piring cuma LT1. Wanita tua itu menyusun sepuluh jari sebelum mengarahkan jarinya ke dada sebagai tanda terima kasih. Aku menaburkan bijirin. Beratus-ratus burung merpati berterbangan turun dari kubu tinggalan kerajaan Uthmaniah. Nasib burung itu jauh lebih baik daripada nasib wanita tua itu, dapat makanan percuma dan gambarnya diabadikan dalam kamera sedangkan wanita tua itu seakan-akan figura hidup yang tidak disedari kewujudannya. Seorang remaja kurus menghampiriku. Di tangannya terdapat sebuah beg hitam yang besar. Matanya melingas ke kanan kiri. Dia bercakap separuh berbisik. "Black market, black market. Good price." Aku teringat akan pesanan Encik Yuksel tentang bahaya membeli barang di tepi jalan. Aku menggelengkan kepala tanda tidak berminat. Remaja itu menghampiri Kak Chah dan Shahmeem. "Perfume. Wallet. Jacket. Please!"

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang',
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Nasib burung itu jauh lebih baik daripada nasib wanita tua itu, mengapakah aku berfikiran sedemikian? [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang sewajarnya kerajaan lakukan untuk menangani golongan miskin bandar seperti wanita tua dan remaja tersebut? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan tersebut dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

**Soalan 2 (c) - Petikan puisi tradisional**

*Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Syair Bidasari**

Dengarlah kisah suatu riwayat
Raja di desa negeri Kembayat
Dikarang fakir dijadikan hikayat
*Supaya menjadi tamsil ibarat.*

Adalah raja sebuah negeri
Sultan Agus bijak bestari
Asalnya baginda raja yang bahari
Melimpah pada dagang biaperi.

Kabarnya orang empunya termasa
Baginda itulah raja perkasa
Tiadalah ia merasa susah
Entahlah kepada esok dan lusa.

Seri padukan sultan bestari
Setelah ia sudah beristri
Beberapa bulan beberapa hari
Hamillah puteri permaisuri.

Demi ditentang duli mahkota
Makinlah hati bertambah cinta
Laksana mendapat bukit permata
Menentang istrinya hamil serta.

Beberapa lamanya di dalam kerajaan
Senantiasa ia bersuka-sukaan
Datanglah masa beroleh kedukaan
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa
Melayanglah unggas dari angkasa
Unggas garuda burung perkasa
Menjadi negeri rusak binasa.

Datang menyambar suaranya bahna
Gemparlah sekalian mulia dan hina
Seisi negeri gundah gulana
Membawa dirinya barang ke mana.

Baginda pun sedang dihadap orang
Mendengarkan gempar seperti perang
Bertitah baginda raja yang garang
Gempar ini apakah kurang.

Dipetik daripada 'Syair Bidasari'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud rangkai kata *supaya menjadi tamsil ibarat* dalam rangkap pertama syair di atas. [2 markah]

(ii) Seorang pemimpin yang baik memiliki ciri-ciri yang istimewa di mata rakyat. Pada pendapat anda, apakah nilai tambah seorang pemimpin yang cemerlang? [3 markah]

(iii) Persoalan kebijaksanaan pemimpin jelas terdapat dalam syair ini. Huraikan. [4 markah]

**Soalan 2 (d) - Puisi Moden**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Aku Membaca Lagi**

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
*menaakuli kebesaran-Mu*
di bawahnya gumpalan mega
hembasan bayu dan banjaran gunung

Kuselusuri alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
Kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

Dipetik daripada sajak 'Aku Membaca Lagi'
oleh Razali Mohd Yussof,
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *menaakuli kebesaran-Mu*. [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah peranan anda sebagai remaja untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

# Jawapan

## NOVEL

### ZON 1

SET 1

**(a) Dua konflik antara watak yang mengembangkan plot**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Konflik antara suami dengan isteri.
   - Hampir 10 tahun Che Jah dan anak-anaknya menjadi mangsa penderaan suaminya, Seman yang pulang lewat malam. Akibat kesan alkohol dan kalah judi, mereka sering dibelasah oleh Seman.
   - Konflik ini mengembangkan plot melalui perumitan watak Che Jah yang akhirnya menuju kepada klimaks tindakan yang meminta cerai daripada suaminya itu.
2. Konflik antara masyarakat kampung.
   - Penduduk Kampung Sentosa menghadapi konflik tentang isu pertelingkahan untuk meletakkan kubah yang baharu di masjid lama atau di masjid baharu yang akan dibina.
   - Konflik ini mengembangkan plot melalui penekanan persoalan dan pengajaran yang menguatkan lagi tema novel ini.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Konflik antara bapa dengan anak.
   - Dahlia tidak bersetuju dengan tindakan bapanya, Embong yang ingin menghantar ibunya, Saleha ke hospital bahagia untuk mendapatkan rawatan lanjut.
   - Konflik ini mengembangkan plot melalui perumitan cerita berkisar kepada masalah yang dihadapi oleh keluarga Embong.
2. Konflik antara anak murid dengan guru.
   - Cikgu Salwani tidak membenarkan Dahlia keluar dari asrama untuk tinggal di rumah tetapi Dahlia berdegil dan terus meninggalkan asrama tanpa kebenaran gurunya.
   - Konflik ini mengembangkan plot melalui pembinaan watak Dahlia yang gigih menghadapi cabaran demi cabaran.

**(b) Satu kepincangan masyarakat yang menjadi pengajaran**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Kepincangan sikap masyarakat yang terjebak dalam kancah gejala sosial
   - Rafiq dan Haziq suka mencuri harta benda milik orang kampung.
   - Mereka juga terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah.
   - Seman, suami Che Jah terlibat dengan alkohol dan judi sehingga mengabaikan keluarga.
   - Pengajarannya, kita perlu mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial yang merugikan kerana akan merendahkan martabat diri di mata masyarakat.
2. Kepincangan sikap masyarakat yang suka menghukum dan menghina kesilapan dan kekurangan orang lain
   - Rafiq dan Haziq sering dipandang hina oleh penduduk kampung kerana pernah mencuri, menagih dadah dan memecah rumah.
   - Pengajarannya, kita tidak boleh berprasangka buruk dan harus sentiasa memainkan peranan membantu mereka yang memerlukan.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Kepincangan sikap masyarakat yang berprasangka buruk terhadap orang lain
   - Aton dan Nek Kiah berprasangka buruk terhadap keluarga Dahlia. Nek Kiah suka menghina Dahlia dan keluarganya disebabkan kemiskinan mereka. Aton suka menabur fitnah tehadap Dahlia dengan mengatakan bahawa Dahlia sudah ditebuk tupai kerana lelaki datang ke rumahnya silih berganti.
   - Pengajarannya, sikap berprasangka buruk ini perlu dijauhi kerana mengakibatkan penganiayaan terhadap orang yang tidak bersalah dan perpecahan dalam masyarakat.
2. Kepincangan sikap masyarakat yang terjebak dalam gejala sosial
   - Abu Bakar suka berfoya-foya dengan rakan-rakannya sehingga sanggup mencuri kambing milik bapanya sendiri.
   - Pengajarannya, gejala sosial perlu dihindari kerana selalu memberikan natijah buruk kepada diri sendiri dan jiwa pula perlu dibenteng dengan agama serta iman.

SET 2

**(a) Dua nilai murni masyarakat**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Nilai kasih sayang dalam masyarakat
   - Lili amat menyayangi ibunya dan mentaati segala perintah ibunya.
   - Dia menurut sahaja kehendak ibunya supaya pulang bercuti di kampung datuknya.
2. Nilai keberanian dalam masyarakat
   - Danel berani mengambil risiko bertindak secara bersendirian untuk menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafiq.
   - Danel telah pergi ke pondok buruk tempat Lili dikurung.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Nilai kasih sayang dalam masyarakat
   - Dahlia amat sayang akan ibu dan keluarganya sehingga dia sanggup menanggung risiko keluar dari asrama tanpa izin warden untuk menziarahi ibunya yang dirawat di Hospital Permai.
2. Nilai keprihatinan dalam masyarakat
   - Tauke Lim prihatin terhadap keluarga Embong dan membantunya dengan ikhlas.
   - Dia sering memberi barang secara berhutang kepada Embong.
   - Dia memberi sumbangan RM300 kepada Dahlia semasa Dahlia hendak ke Kuala Lumpur.

**(b) Satu peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan sebab**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa kegigihan mengekalkan penggunaan herba dalam perubatan
   - Datuk Lili menyembuhkan penyakit Puan Letchumi, ibu Geetha dengan menggunakan rawatan tradisional melalui penggunaan herba.
   - Datuk Lili merawat Kak Mimah yang menghidap penyakit gout dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan herba seperti mas cotek, pegaga, daun sirih, daun belimbing dan sebagainya.

   Sebab;
   - Peristiwa ini boleh dijadikan teladan tentang kegigihan seorang tua dalam mengekalkan tradisi dan kepercayaannya terhadap khasiat perubatan berasaskan herba. Kegigihan ini adalah teladan yang baik untuk generasi muda agar memiliki jati diri yang kuat.
2. Peristiwa menyelesaikan masalah kubah surau
   - Lili, Geetha, Danel mewakili golongan remaja yang peka dan prihatin untuk bekerjasama menyelesaikan masalah orang-orang kampung yang kurang bersetuju dengan pembinaan masjid baharu, sebaliknya hanya mahu kubah dipasang di surau yang sudah lama usianya.

   Sebab;
   - Peristiwa ini boleh dijadikan teladan tentang peranan remaja berlainan bangsa dan agama seperti Geetha dan Danel sanggup membantu Lili yang beragama Islam untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan surau di Kampung Sentosa. Konsep perpaduan jelas kelihatan dalam peristiwa ini untuk dijadikan teladan.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa keberanian untuk terjun ke dalam sungai berarus deras.
   - Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai untuk cuba menyelamatkan Said yang lemas.

   Sebab;
   - Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana sifat berani yang ada pada Dahlia adalah sangat menginspirasikan. Dahlia berjiwa serikandi kerana berani menghadapi sebarang risiko untuk menyelamatkan nyawa orang lain.
2. Peristiwa pengorbanan kepentingan diri demi kebaikan keluarga
   - Dahlia sanggup berkorban dengan keluar dari asrama kerana ingin menguruskan adik-adiknya yang masih kecil setelah ibunya dimasukkan ke hospital akibat kemurungan.
   - Walaupun peperiksaan STPM hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi, Dahlia selaku anak sulung sanggup mengetepikan kepentingan diri dengan sanggup berkorban demi keluarganya yang dilanda musibah.

   Sebab;
   - Peristiwa ini memberi teladan kerana pengorbanan Dahlia menyedarkan remaja bahawa keluarga adalah keutamaan, namun pelajaran tidak boleh diabaikan.
   - Nilai jati diri Dahlia sangat mengagumkan dan menjadi inspirasi kepada remaja lain.

SET 3

**(a) Nilai dalam novel**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Nilai jati diri
   - Datuk tetap dengan pendiriannya bahawa perubatan secara tradisional yang diusahakannya selama ini dapat memberikan bantuan perubatan alternatif kepada pesakit yang datang menemuinya.
2. Nilai tanggungjawab
   - Penduduk kampung bergotong-royong membantu menyelesaikan masalah kubah surau.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Nilai kasih sayang
   - Kasih sayang anak terhadap ibu bapanya
     - Dahlia amat menyayangi ibunya walaupun ibunya menghidap penyakit kemurungan.
   - Kasih sayang kakak terhadap adik-adiknya
     - Dahlia sanggup keluar dari asrama semata-mata mahu menjaga adik-adiknya selepas ibunya dimasukkan ke hospital.
2. Nilai keberanian
   - Embong berani membunuh ular sawa yang cuba membelitnya.
   - Dahlia berani terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said.

**(b) Nilai ketabahan watak utama**

Tingkatan 4: Jendela Menghadap Jalan

1. Ketabahan menghadapi kerenah orang tua
   - Watak utama, Lili tabah menghadapi kerenah ibunya yang mahu Lili menghabiskan cuti persekolahannya di kampung datuk dan neneknya.
   - Watak utama, Lili tabah menghadapi kerenah datuk yang tidak mahu menceritakan sejarah jendela menghadap jalan.
2. Ketabahan menghadapi cabaran ketika diculik
   - Watak utama, Lili tabah berhadapan dengan bahaya sewaktu Rafiq dan Haziq menculiknya.

Tingkatan 5: Songket Berbenang Emas

1. Ketabahan menghadapi kerenah ibu dan orang sekeliling
   - Watak utama, Dahlia tabah menghadapi kerenah ibunya yang tidak mengenalinya setelah menghidap tekanan perasaan.
   - Watak utama, Dahlia tabah menghadapi kerenah Aton yang menghina Dahlia semasa Azhari menghantarnya pulang ke rumah.
2. Ketabahan dalam menuntut ilmu
   - Watak utama, Dahlia tabah mengulang kaji pelajaran di balai raya semasa kampung mereka dilanda banjir.

### ZON 2

SET 1

**(a) Perwatakan watak utama**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

Watak utama dalam novel tersebut ialah Leftenan Adnan.

1. Leftenan Adnan merupakan seorang yang berani.
   - Contohnya, Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun hingga ke titisan darah terakhir walaupun tanpa senjata.
   - Keberanian Leftenan Adnan menyebabkan Regimen Askar Melayu berjaya menghalang kemaraan tentera Jepun di permatang Pasir Panjang, Singapura.
   - Tentera Jepun terpaksa berundur dan beratus-ratus orang tenteranya terbunuh.
2. Leftenan Adnan merupakan seorang yang bijaksana.
   - Contohnya, Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera Sikh yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang.
   - Kesemua tentera itu berjaya dibunuh dan beliau mendapat pujian daripada Jeneral A.E. Percival.

**(b) Perwatakan watak utama**

Tingkatan 5: Tirani

Watak utama dalam novel tersebut ialah Waheeda.

1. Waheeda merupakan seorang anak muda yang berkeyakinan tinggi.
   - Waheeda sangat yakin akan kemampuan dirinya dalam memajukan Tajau Emas.
   - Sebaik sahaja tamat belajar, dia telah membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak.
   - Waheeda sentiasa berfikiran positif untuk memajukan diri dan perniagaannya serta berani mengambil risiko.
2. Waheeda juga seorang yang bijak merancang.
   - Waheeda dapat merancang dan menyusun jadual program-program yang dapat menaikkan nama inap desa tersebut sehingga syarikat Tajau Emas berjaya.
   - Waheeda bijak menguruskan inap desa keluarganya sehingga menjadi terkenal dan menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara.

**(b) Nilai kasih sayang**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Nilai kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya
   - Pak Saidi seorang yang penyayang, oleh sebab itu, dia sangat mementingkan pelajaran anak-anaknya demi masa depan yang cerah.
   - Pak Saidi sanggup menghantar Adnan ke sekolah Inggeris kerana sekolah itu mengajarkan banyak ilmu kepada pelajarnya. Setiap hari Pak Saidi sanggup berbasikal pada awal pagi untuk menghantar Adnan ke sekolah.
   - Walaupun tindakan Pak Saidi ditentang oleh penduduk kampung, dia tetap menghantar anaknya ke sekolah Inggeris untuk memastikan anaknya mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.
2. Nilai kasih sayang seorang suami kepada isteri dan keluarganya
   - Leftenan Adnan sangat menyayangi isteri dan anak-anaknya. Dia berasa sayu ketika ingin meninggalkan mereka di Sungai Ramal sebelum dia berangkat ke Singapura untuk berjuang menyekat kemaraan Jepun.

Tingkatan 5: Tirani

1. Nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya
   - Raidah iaitu ibu Waheeda dimaklumkan bahawa Waheeda akan menjalani sesi pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Centre (SMC), dia membuat keputusan untuk pergi ke Singapura untuk menemani anaknya pada hari pembedahan itu.
   - Selain itu, Waheeda membesarkan anak kandungnya, Izzati dengan penuh kasih sayang walaupun tanpa bantuan seorang suami kerana suaminya, Zahid telah menceraikannya dengan talak satu.
   - Raidah sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur.
2. Nilai kasih sayang ibu mentua kepada menantu
   - Datin Hazirah membawa sejambak bunga dan sekeping kad ucapan yang kononnya daripada Zahid untuk menjaga perasaan menantunya, Waheeda.

SET 2

**(a) Dua persoalan**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Persoalan pengorbanan seorang isteri terhadap kerjaya suami
   - Isteri Leftenan Adnan iaitu Sophia sanggup berkorban berpisah dengan suaminya dan menjaga anak-anak.
   - Sophia juga sentiasa bersedia menghadapi risiko kehilangan suaminya sebagai tentera yang sentiasa berdepan dengan bahaya.
2. Persoalan kebijaksanaan dalam menghadapi situasi bahaya
   - Leftenan Adnan bijak membaca helah tentera Jepun.
   - Beliau tidak mudah terperdaya dengan taktik tentera Jepun yang menyamar sebagai askar India dengan memakai turban ketika cuba menyerang askar Melayu.

Tingkatan 5: Tirani

1. Persoalan kegigihan dalam menempuh cabaran hidup
   - Sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas, Waheeda telah berusaha sedaya upaya untuk mengembangkan perniagaan di bawah sektor pelancongan itu.
   - Waheeda turut menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan kepada pelanggan walaupun menerima saingan sengit daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.
   - Waheeda cekal mengharungi liku-liku yang manis dalam alam rumah tangganya bersama-sama dengan Zahid sehingga beroleh cahaya mata perempuan.
2. Persoalan kebijaksanaan dalam menentukan tindakan penyelesaian masalah yang tepat
   - Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kaunseling, Dr Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur.
   - Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati ialah anak kandung mereka.
   - Pak cik Aziz meminta Waheeda dan Ghazi mengambil alih perusahaan Chalet Iwana-Iwani sebelum pihak bank menyita segala aset perniagaan beliau.

**(b) Peristiwa yang meninggalkan kesan mendalam**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa Adnan berkahwin dengan Sophia
   - Perkahwinan ini dirancang dan diatur oleh bapa Adnan, Pak Saidi.
   - Hasil perkahwinan itu telah membuahkan kebahagiaan apabila pasangan Adnan dan Sophia dikurniakan dua orang anak, iaitu Mokhtar dan Zainuddin.
   - Peristiwa ini meninggalkan kesan mendalam kerana mesejnya yang kuat tentang aspek pemilihan jodoh oleh keluarga membawa kebahagiaan yang berkekalan.
2. Peristiwa Leftenan Adnan memilih kerjaya askar berbanding kerjaya guru
   - Leftenan Adnan meninggalkan kerjaya guru yang selesa dan kurang berisiko lalu memilih kerjaya askar yang sentiasa berdepan bahaya.
   - Peristiwa ini meninggalkan kesan mendalam kerana pengorbanan yang dilakukan oleh Leftenan Adnan adalah lambang semangat patriotiknya yang tidak berbelah bahagi kepada negara tercinta.

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

## Jawapan

Tingkatan 5: Tirani

1. Peristiwa Waheeda telah dicederakan oleh seekor monyet belanda pada bahagian wajah dan hidungnya
   - Kejadian ini menyebabkan Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah.
   - Kesan peristiwa tersebut menyebabkan Waheeda mengambil keputusan untuk menjalani pembedahan rekonstruksi pada wajahnya di Singapura. Beliau menjalani pembedahan selama 12 jam yang diketuai Dr. Alma Hollis Chen di Silicon Medical Center (SMC).
   - Peristiwa ini memberi kesan mendalam kerana kesan peristiwa ini telah membawa perubahan besar dalam kehidupan watak utama iaitu Waheeda apabila terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran yang hebat selepas itu.
2. Peristiwa Waheeda menjalani pembedahan pembetulan pada hidungnya selepas dia mengalami selesema yang teruk dan berterusan
   - Pemeriksaan menunjukkan tulang hidungnya telah jatuh daripada kedudukan asal dan memerlukan pembedahan semula.
   - Pembedahan yang dijalankan oleh Dr. Averroes dan Dr. Rushdi telah berjalan dengan lancar dan hidung Waheeda berjaya dipulihkan.
   - Peristiwa ini memberikan kesan mendalam kerana pembaca kagum dengan ketabahan Waheeda yang menghadapi masalah dengan cekal dan berani sehingga dia berjaya dalam kehidupannya.

SET 3

**(a) Dua konflik**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Konflik Adnan dengan ibunya tentang soal kerjaya
   - Ibunya tidak membenarkan Adnan menjadi tentera kerana tidak sanggup berpisah dengan Adnan yang perlu menjalani latihan ketenteraan di Port Dickson.
   - Bagaimanapun, akhirnya ibu Adnan akur dengan hasrat anaknya dan terpaksa merelakan serta menghormati keputusan Adnan yang ingin menjadi askar.
   - Konflik ini berperanan untuk menggambarkan perwatakan Adnan yang cekal dan mempunyai semangat perjuangan yang tinggi dalam mempertahankan negara.
2. Konflik antara Leftenan Adnan dengan pihak Jepun
   - Melalui kepimpinan Leftenan Adnan banyak anggota Kompeni C Regimen askar Melayu terkorban ketika bertempur dengan tentera Jepun di Pasir Panjang dan Bukit Chandu.
   - Leftenan Adnan terus memberikan dorongan dan semangat kepada anak-anak buahnya walaupun mereka semakin kehabisan peluru.
   - Tentera Jepun akhirnya berjaya menembusi pertahanan kubu askar Melayu dan Leftenan Adnan turut terkorban, namun semangat beliau tetap utuh saat menghadapi konflik tersebut.
   - Konflik ini berperanan untuk menonjolkan aspek keperwiraan Adnan sebagai pejuang yang sanggup berkorban nyawa demi negara tercinta di samping mengukuhkan tema novel ini.

Tingkatan 5: Tirani

1. Konflik antara Waheeda dengan bapanya
   - Waheeda ditegur oleh bapanya selepas bapanya mengetahui bahawa Waheeda mahu menjalani pembedahan kosmetik.
   - Bapanya menjelaskan bahawa perbuatan itu bertentangan dengan hukum agama.
   - Waheeda tidak mempedulikan nasihat tersebut, sekali gus membuat keputusan untuk menjalani pembedahan di Singapura.
   - Konflik ini berperanan untuk menunjang aspek persoalan tentang perbezaan pandangan tentang hukum melakukan pembedahan kosmetik yang tidak difahami oleh segelintir masyarakat lantas mencetuskan percanggahan fakta dan pandangan.
   - Konflik ini juga mampu menonjolkan perwatakan Waheeda yang sangat tegas dengan keputusan dan tindakan yang diambilnya.
2. Konflik antara Waheeda dengan suaminya, Zahid
   - Kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki dan kecantikan serta pujian yang sering diterima olehnya menyebabkan suaminya cemburu sekali gus mencurigai kesetiaan Waheeda.
   - Zahid juga mempersoal raut wajah anak mereka yang baru dilahirkan dan dijadikan alasan untuk menuduh Waheeda berlaku curang.
   - Waheeda pula berani mencabar suaminya dengan cadangan ujian DNA.
   - Akhirnya, konflik tersebut meruntuhkan rumah tangga yang telah terbina.
   - Konflik rumah tangga antara watak ini berperanan mengembangkan watak Waheeda dan Zahid. Selain itu, membantu perumitan plot cerita yang akhirnya menuju kepada klimaks iaitu perceraian.

**(b) Peristiwa**

Tingkatan 4: Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh dan menewaskan beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya
   - Pak Saidi berbuat begitu kerana dia ingin membalas dendam atas kematian anaknya.
   - Pak Saidi tidak mahu pihak penjajah Jepun terus berkuasa di Tanah Melayu.
   - Peristiwa ini dianggap peleraian cerita yang menarik kerana memberi kepuasan kepada pembaca dalam melampiaskan perasaan marah dan dendam mereka kepada penjajah yang kejam dan zalim.
2. Peristiwa berita kemenangan tentera British dalam Perang Dunia Kedua
   - Jepun menyerah kalah dan telah menandatangani surat perjanjian menyerah kalah secara rasmi di kilang kereta Ford pada 15 Ogos 1945.
   - British telah mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu semula setelah pihak Berikat yang terdiri daripada Pakatan Amerika Syarikat dan British berjaya mengebom bandar Hiroshima dan Nagasaki.
   - Peristiwa ini dianggap peleraian cerita yang menarik kerana memberikan kepuasan kepada pembaca yang mengikuti pahit getir perjuangan Adnan yang akhirnya terkorban demi mempertahankan negara.

Tingkatan 5: Tirani

1. Peristiwa kejayaan Waheeda dan Ghazi membeli serta mengusahakan Chalet Iwana-Iwani
   - Chalet yang asalnya milik pak cik Abdul Aziz ini terletak di Cameron Highlands telah ditukar nama kepada Aya-Sajinah.
   - Zahid dan Aiman yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah, berehat di Café Iwani dan bersembang tentang pelbagai perkara terutamanya perihal keinsafannya atas kesilapan masa silam.
   - Peristiwa ini dianggap sebagai peleraian yang menarik kerana memaparkan kejayaan Waheeda dalam bidang perniagaan. Waheeda berjaya merealisasikan cita-cita perniagaannya walaupun diuji dengan pelbagai cabaran.
2. Peristiwa Zahid menangis apabila diberitahu bahawa Izzati merupakan anak kandungnya dengan Waheeda
   - Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati.
   - Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid.
   - Peristiwa ini dianggap peleraian cerita yang menarik kerana Waheeda berjaya menegakkan kebenaran tentang kesetiaannya terhadap Zahid.
   - Penyesalan Zahid itulah yang menjadikan peleraian yang terindah kerana Waheeda akhirnya dapat mengembalikan maruahnya sebagai wanita dan isteri yang setia walaupun Zahid telah mensia-siakan segala pengorbanannya selama ini.

## ZON 3

SET 1

**(a) Dua latar masyarakat**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Latar masyarakat penyayang
   - Masyarakat yang menyayangi anak, ahli keluarga dan sahabat.
   - Doktor Raiha membesarkan Rohayu dengan penuh kasih sayang dan melarikan diri bersama-sama anaknya, Rohayu kerana tidak sanggup berpisah dengan anaknya itu yang akan dihantar ke Pusat Rawatan untuk kanak-kanak Sindrom Down.
   - Ibu Unong Siron menghantar anaknya ke PRPK supaya dia mendapat rawatan yang terbaik dan sentiasa berada di sisi Unong Siron sepanjang mendapat rawatan di situ.
   - Ayah Doktor Raiha menasihatinya agar tidak berkahwin dengan Doktor Sadiz yang sombong dan lebih tua daripadanya kerana yakin perkahwinan tersebut tidak akan membawa kebahagiaan.
   - Doktor Raiha sering menegur dan memberi nasihat kepada Felicia Londusai yang menghadapi masalah peribadi dan kemurungan.
2. Latar masyarakat yang mementingkan keuntungan
   - Doktor Uwang mensasarkan keuntungan yang berlipat ganda selepas mengambil alih Pusat Rawatan Pantai Kasih daripada ayahnya, Datu Untong.
   - Dia tidak menghiraukan kemampuan pesakitnya untuk membayar kos perubatan, sebaliknya mengenakan bayaran yang difikirkan setimpal dengan perkhidmatannya.

Tingkatan 5: Bimasakti Menari

1. Masyarakat yang tabah
   - Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik tabah dalam mendepani cabaran dan dugaan untuk mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap (KSLG) di Kuala Selangor bagi pencerapan bintang dan menjaga habitat kelip-kelip.
   - Tan Sri Muhaimin tabah membesarkan anaknya seorang diri selepas bercerai dengan Puan Wickham.
2. Masyarakat yang bersyukur
   - Haji Yassir menangis dalam kesyukuran dan kegembiraan kerana anaknya, Nurul Hafsa telah berjaya diselamatkan selepas diculik oleh orang suruhan Dato' Johan Arlington.
   - Tan Sri Muhaimin menyatakan kesyukurannya dengan mengadakan kenduri doa selamat bagi meraikan perkahwinan semula dengan bekas isterinya, Puan Wickham.

**(b) Peristiwa yang menunjukkan nilai kejujuran**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Nilai kejujuran watak dalam memberikan nasihat dan pandangan
   - Bapa Doktor Raiha pernah menasihati Raiha agar tidak memilih kerjaya sebagai doktor bedah kerana beranggapan kerjaya itu hanya sesuai untuk orang lelaki sahaja.
   - Bapanya juga tidak pernah bersetuju dia berkahwin dengan Doktor Sadiz kerana sikapnya yang angkuh dan lebih tua daripadanya.
2. Nilai kejujuran watak dalam melaksanakan tanggungjawab dalam kerjaya
   - Doktor Raiha menjalankan tugasnya sebagai doktor dengan jujur.
   - Doktor Raiha terpaksa menjalankan pembedahan tulang pinggul Unong Siron untuk kali keenam atas arahan Doktor Uwang.
   - Beliau tetap menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan sabar demi memulihkan penyakit yang ditanggung oleh Unong Siron.

Tingkatan 5: Bimasakti Menari

1. Persoalan kejujuran niat watak anak muda untuk memelihara alam sekitar
   - Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik telah berusaha untuk mengembalikan langit gelap Kuala Selangor agar dapat mengembalikan bintang-bintang di langit dengan mengadakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor serta mencadangkan penggunaan lampu-lampu *full cuf off*.
   - Mereka juga mahu memastikan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan tidak lenyap dan populasi kelip-kelip akan pupus.
   - Muhammad Taufik telah memagar sungai kawasan habitat tersebut agar tidak dimasuki oleh pelancong.
   - Mereka melakukan usaha ini secara jujur tanpa mengharapkan balasan dan sanjungan semata-mata demi melestarikan alam sekitar.
2. Persoalan kejujuran watak seorang wanita untuk memupuk kesedaran dan penghayatan tentang sikap cinta akan alam sekitar
   - Puan Maryam Wickham merupakan seorang aktivis alam sekitar yang sangat gigih dan aktif.
   - Dia sanggup membawa rombongan seramai 25 orang kanak-kanak dari Jepun untuk melihat bintang-bintang di Kuala Selangor.
   - Beliau sentiasa memberikan sokongan kepada Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar.

SET 2

**(a) Dua persoalan tanggungjawab**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Tanggungjawab seorang doktor terhadap kebajikan pesakit
   - Doktor Raiha berusaha memastikan setiap operasi pembedahan yang dilakukannya akan memuaskan hati semua pihak yang terlibat.
   - Doktor Raiha memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.
   - Doktor Raiha sentiasa memikirkan cara untuk merawat Unong Siron dengan sebaik mungkin walaupun dia bukan pesakit di bawah kendaliannya.
2. Tanggungjawab bapa terhadap masa depan anak
   - Ayah Doktor Raiha membantah hasratnya ingin berkahwin dengan Doktor Sadiz kerana tidak mahu Doktor Raiha menghadapi masalah rumah tangga pada kemudian hari.

Tingkatan 5: Bimasakti Menari

1. Tanggungjawab masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar
   - Muhammad Taufik bergiat aktif dalam pembinaan rumah mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam.
   - Dia juga menggunakan kereta hibrid agar mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar.
2. Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa
   - Muhammad Taufik berusaha untuk menyatukan ibu bapanya kembali dalam ikatan perkahwinan setelah lama berpisah.
   - Nurul Hafsa pula akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebun supaya tidak dicuri orang.

**(b) Keistimewaan watak utama**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Seorang yang sangat tabah dan berdaya juang yang tinggi
   - Tabah menghadapi sikap suaminya, Doktor Sadiz yang sering membuatnya bersedih dan menderita.
   - Berjuang membuktikan kepada bapanya yang tidak merestui dia menjadi seorang pakar bedah hingga akhirnya berjaya mencapai cita-cita tersebut.
   - Tabah menerima kehilangan anaknya akibat kebakaran kereta mewah angkara suaminya sendiri.
   - Berjuang hebat menegakkan kebenaran di mahkamah untuk menuntut keadilan.
   - Tetap tabah walaupun kalah dalam perbicaraan dan meneruskan kehidupan dengan keazaman yang tinggi.
2. Seorang yang berhati luhur, pemaaf dan tidak berdendam.
   - Doktor Raiha melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan walaupun doktor itu selalu bertekak dan berbeza pandangan dengannya.
   - Luhur menyayangi zuriatnya yang tidak normal / kelainan upaya iaitu penghidap Sindrom Down walaupun tidak disenangi oleh suaminya, Doktor Sadiz.
   - Doktor Raiha walaupun dipaksa oleh suaminya, Doktor Sadiz menggugurkan kandungannya apabila mengetahui bayi yang bakal dilahirkan itu tidak normal tetapi dia tidak menurut kemahuan suaminya itu kerana menyayangi kandungannya itu.
   - Memaafkan Felicia yang tidak hadir memberikan keterangan di mahkamah kerana takut sehingga dia kalah dalam perbicaraan tersebut.

Tingkatan 5: Bimasakti Menari

1. Seorang yang sangat konsisten dengan niat dan perjuangannya melestarikan alam sekitar.
   - Nurul Hafsa terpaksa berhadapan dengan pelbagai tekanan dalam usaha melestarikan alam sekitar apabila Dato' Johann Arlington-Majid sengaja menimbulkan kekeliruan dengan membidas segala hujah Nurul Hafsa agar projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor tidak dipersetujui oleh Menteri Besar.
   - Dato' Johann juga sanggup mengupah penjahat untuk menculik Nurul Hafsa dalam usaha menggagalkan usaha Nurul Hafsa.
2. Seorang yang sangat tegar dan berani menghadapi cabaran hidup.
   - Cabaran menghadapi ancaman penjenayah.
   - Nurul Hafsa menghadapi kekejaman penculik yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid demi menggagalkan usahanya mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.
   - Nurul Hafsa diculik sebagai pertukaran untuk mendapatkan Muhammad Taufik, anak kepada Tan Sri Muhaimin yang menjadi musuh peribadi dan perniagaan Dato' Johann Arlington-Majid.

SET 3

**(a) Peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan kesan**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Peristiwa Doktor Raiha yang prihatin dengan nasib Unong Siron
   - Baginya pembedahan kali ke-6 tidak sepatutnya berlaku kerana pembedahan tersebut dilakukan oleh doktor pakar.
   - Teladan yang boleh diambil: Nyawa manusia dalam bidang perubatan tidak boleh dikompromi dengan wang ringgit.
   - Sikap mementingkan keuntungan atas kesusahan orang lain adalah kepincangan moral yang perlu dijauhi kerana merupakan penindasan terhadap insan lain.
2. Peristiwa Doktor Sadiz bertindak membakar kereta mewahnya
   - Tindakan dilakukan kerana marah akan isterinya yang menghalang niatnya untuk menghantar Rahayu ke asrama.
   - Teladan yang boleh diambil: Tindakan yang terburu-buru kerana amarah perlu dielakkan kerana tidak mencerminkan kematangan pemikiran.
   - Sepatutnya kita perlu berfikir secara rasional dalam melakukan sesuatu tindakan.
   - Selain itu, kita hendaklah mampu mengawal marah yang akan merugikan diri sendiri dan menyusahkan orang lain.

Tingkatan 5: Bimasakti Menari

1. Peristiwa konflik Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham Abdullah yang mementingkan kerjaya dan ego menyebabkan ikatan perkahwinan mereka terlerai
   - Keadaan ini memberikan kesan kepada anak tunggal mereka Muhamad Taufik yang sering merindui kasih sayang mereka.
   - Teladan yang boleh diambil: Ibu bapa perlu menjaga rumah tangga dan anak agar tidak terabai kerana anak-anak amanah Allah yang tidak boleh disia-siakan.
2. Peristiwa Dato' Johann Arlington-Majid berdendam dengan Tan Sri Muhaimin yang berjaya memiliki Maryam Wichkam. Selain itu, dia kehilangan tender pemasangan lampu di Kuala Selangor.
   - Teladan yang boleh diambil: Sikap dendam akan merosakkan jiwa seseorang kerana hidup akan menjadi tidak tenteram.
   - Sikap dendam menghapuskan nilai kemanusiaan dalam diri seseorang.
   - Kita mestilah reda dengan ketentuan Ilahi dengan mengambil sikap berlapang dada agar hidup lebih tenang dan damai.

**(b) Peristiwa yang memaparkan pengajaran tentang kerjasama**

Tingkatan 4: Pantai Kasih

1. Kita hendaklah bekerjasama berkongsi kepakaran dalam situasi genting dan memerlukan.
   - Kerjasama antara Doktor Raiha dengan Doktor Alex Ng dalam

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

## Jawapan

pembedahan perubatan.
- Doktor Raiha bekerjasama dengan Doktor Alex Ng untuk menjalankan pembedahan penggantian sendi tulang pada pergelangan tangan dan lutut Doktor Uwang kerana terlibat dalam kemalangan.
- Kerjasama antara watak ini mendidik pembaca agar mengorbankan kepentingan diri demi menyelamatkan nyawa orang lain.
- Kerjasama menjadikan kita lebih prihatin terhadap orang lain.

2. Kita hendaklah bekerjasama untuk mencegah masalah daripada bertambah serius.
   - Kerjasama antara Doktor Raiha dengan ibu Unong Siron telah dapat menyelesaikan masalah.
   - Mereka berjaya menghalang seorang pemuda yang ingin menyeludup masuk ke bilik bedah Pusat Rawatan Pantai Kasih dan seterusnya membawa pemuda tersebut keluar dari PRPK.
   - Kerjasama antara watak ini mendidik pembaca akan kebaikan mengamalkan nilai kerjasama ini iaitu dapat mengekang masalah.
   - Sikap kerjasama dapat menghalang musibah yang lebih besar melalui penyelesaian mudah dan tepat.

**Tingkatan 5: Bimasakti Menari**

1. Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan kerja untuk mencapai hasil yang terbaik dan cemerlang.
   - Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik bekerjasama untuk menyediakan laporan tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor untuk dibentangkan di hadapan Menteri Besar Selangor.
   - Mereka mengambil masa selama seminggu untuk mengemas kini dan memantapkan bahan pembentangan mereka.
   - Kerjasama antara watak ini mendidik pembaca agar mengamalkan sikap bekerjasama untuk menjana hasil yang terbaik dalam apa-apa jua bidang yang diceburi.
2. Kita hendaklah bekerjasama untuk memudahkan urusan satu sama lain agar matlamat dapat dicapai dan masa dapat dijimatkan.
   - Kerjasama antara Nurul Hafsa dengan ayahnya, Hj Basir yang menghantar anaknya itu ke jeti menyusuri Sungai Kuantan / Sungai Rahsia bagi menjejaki kelip-kelip.
   - Kerjasama antara watak ini mendidik pembaca agar mengamalkan nilai bekerjasama sebagai teras dalam kehidupan kerana amalam muafakat akan lebih memudahkan urusan kehidupan mereka terutama dalam menyelesaikan masalah.

## ZON 4

### SET 1

**(a) Keistimewaan watak utama**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Seorang anak gadis yang luar biasa latar belakangnya.
   - Farisha seorang gadis berusia 26 tahun.
   - Anak kandung kepada Medina@Marilyn dan Karl, pasangan saintis yang hebat.
   - Farisha juga seorang yang cantik dan bersopan santun.
   - Farisha telah ditanam dengan pelbagai implan dan dimasukkan pelbagai ubat dalam tubuh oleh bapanya sendiri sejak kecil.
   - Kesannya, Farisha menjadi genius dalam bidang sains.
   - Istimewa kerana Farisha memiliki latar belakang keluarga yang hebat menjadikannya seorang yang hebat dan bijak.
2. Seorang wanita gergasi dalam bidang informasi maklumat dan sains teknologi.
   - Farisha juga seorang yang genius dan pakar dalam penggodaman IT.
   - Farisha diminta oleh Dr Maxi menggodam sistem Dinara yang dibuat oleh Karl atas kepakaran yang dimilikinya pernah berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba dahulu.
   - Aqram mengakui kelemahan Dinara dan meminta Farisha menggodam sistem itu supaya keselamatannya boleh ditingkatkan.
   - Istimewa kerana kepakarannya dalam bidang informasi maklumat adalah sangat dikagumi menjadikan dia individu bernilai tinggi.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Seorang remaja yang unik yang berbakat dalam bidang seni sastera.
   - Haiqal sering memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi dan menulis sajak serta puisi.
   - Istimewa kerana generasi muda masa kini tidak ramai yang berminat dengan seni dan sastera.
2. Seorang anak muda yang berjiwa penyayang.
   - Haiqal menyayangi umi dan walid serta adik tirinya walaupun mengetahui itu bukan bapa kandungnya.
   - Haiqal tetap menyayangi ayah kandungnya, Abdullah Kayan walaupun telah terpisah sejak kecil.
   - Istimewa kerana jiwa penyayang seorang remaja yang taat dan tidak memberontak atas permasalahan yang melanda hidupnya.

**(b) Peristiwa menarik dalam novel**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Peristiwa Aqram membawa Farisha melawat Soft Lab
   - Aqram membawanya ke bilik keselamatan untuk mendaftar cap jari dan retina mata untuk membolehkan Farisha mengakses tempat-tempat khusus di Soft Lab.
   - Aqram menunjukkan ruang untuk Farisha bekerja yang lebih lengkap daripada pejabat kecil Farisha. Farisha terharu terhadap layanan yang diberi oleh Soft Lab kepadanya.
   - Aqram juga menunjukkan pusat data sistem Dinara kepada Farisha.
   - Farisha dapat melihat pelbagai peralatan yang menarik yang disediakan di Soft Lab.
   - Peristiwa ini menarik kerana memaparkan kecanggihan teknologi yang serba moden membuatkan imaginasi pembaca seperti berada bersama-sama Farisha di tempat kejadian.
2. Peristiwa Aqram membaca fikiran Farisha menggunakan *penetrator*
   - Aqram telah berjaya menerobos fikiran Farisha menggunakan *penetrator* berupa sebatang pen berwarna perak.
   - Namun begitu, pendinding WALL yang dimiliki oleh Farisha dapat menangkis segala maklumat yang dikumpul dalam ingatan Aqram.
   - Aqram sudah mencuba selama sebulan untuk menjejaki Farisha sebelum dibawa ke Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara.
   - Peristiwa ini menarik kerana dapat merangsang imaginasi dan penghayatan pembaca akan kecanggihan teknologi yang di luar batasan pemikiran manusia. Kekaguman yang tinggi dapat dicetuskan dalam peristiwa ini.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Peristiwa Haiqal pergi ke Kampung Purnama seorang diri untuk menjejaki warisan ayahnya, Abdullah Kayan.
   - Haiqal didatangi sebuah manuskrip lama yang ditulis oleh arwah ayah kandungnya sehingga dia teruja dengan kandungan manuskrip itu.
   - Haiqal bertekad untuk mencari jejak kehidupan arwah ayah kandungnya itu di sebuah kampung di Batu Pahat, Johor, namun begitu keputusannya untuk ke kampung arwah ayahnya mendapat tentangan daripada uminya.
   - Haiqal tetap dengan keputusan untuk pergi walaupun uminya melarang keras keputusannya dan Haiqal tidak diberikan sebarang wang perbelanjaan untuk ke sana.
   - Peristiwa ini menarik kerana kesungguhan Haiqal untuk menjejaki warisan Abdullah Kayan itu melambangkan iltizamnya untuk mengenali bapa kandungnya itu dari kaca matanya sendiri.
   - Kecekalan dan kematangan Haiqal adalah sangat mengagumkan kerana walaupun dia seakan-akan ingkar pada arahan uminya namun dia tegar dengan hasratnya untuk mengenali bapanya itu.
2. Peristiwa Tauke Ong memberitahu Haiqal bahawa dia akan menyerahkan semua urusan berkaitan arwah ayahnya kepada Haiqal.
   - Haiqal diberitahu oleh Tauke Ong bahawa sepanjang peninggalan arwah ayahnya, Tauke Ong diberi amanah untuk menguruskan tanah di baruh, kelapa sawit, kebun getah dan buku bank arwah ayahnya.
   - Peristiwa ini menarik kerana sikap amanah Tauke Ong yang memegang wasiat bapa Haiqal dengan cermat adalah sangat terpuji. Tauke Ong mewakili watak kaum Cina yang mampu menjadi teladan kepada orang lain kerana persahabatannya dengan Abdullah Kayan itu sangat menginspirasikan.
   - Mesej perpaduan juga jelas tergambar dalam peristiwa ini.

### SET 2

**(a) Dua nilai kemasyarakatan**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Nilai masyarakat yang penyayang
   - Walaupun Farisha merupakan anak angkat, Azraai tetap menyayanginya seperti adik kandung.
   - Azraai memasang 'retinal scanner' di pintu masuk rumah Farisha untuk memastikan keselamatan Farisha terjamin.
2. Nilai masyarakat yang tabah menghadapi cabaran hidup
   - Farisha tabah menerima hakikat bahawa Karl, seorang saintis terkenal yang terlantar sakit dan sedang nazak itu bapa kandungnya.
   - Farisha juga tabah menerima kenyataan bahawa Medina ialah ibu kandungnya yang pernah cuba membunuhnya semasa dia kecil.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Nilai masyarakat yang penyayang
   - Cikgu Amirulnizam amat menyayangi dan merindui akan anaknya yang jauh terpisah di Terengganu.
   - Oleh sebab Aiman sebaya dengan Ai Ling, Cikgu Amirulnizam menyayangi dan melayani Ai Ling seperti anaknya sendiri.
2. Nilai masyarakat yang tabah dalam menghadapi cabaran hidup
   - Haiqal Hakimi tabah menghadapi konflik dengan ibunya yang tidak membenarkan Haiqal menjejaki sejarah hidup arwah ayahnya, Cikgu Abdullah di Batu Pahat.
   - Haiqal tetap dengan keputusannya meskipun terpaksa bertengkar dengan uminya, Rafiqah.

**(b) Peristiwa di bahagian perkembangan dan kesan kepada plot novel**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Peristiwa perkenalan Farisha dengan Aqram dalam simposium di Hotel Renaissance
   - Perkenalan ini telah membawa Farisha kepada peluang untuk menjayakan satu projek Soft Lab yang berharga RM1.5 juta.
   - Farisha ditawarkan menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara yang membawa kepada pendedahan identiti ibu bapanya yang sebenar.
   - Kesan peristiwa ini dapat menggerakkan plot cerita ke arah konflik demi konflik yang akhirnya membawa kepada perumitan jalan cerita.
   - Peristiwa dalam bahagian perkembangan ini mendedahkan kepada pembaca pelbagai unsur sains dan teknologi yang menjadikan plot cerita ini semakin menarik dan seronok untuk dihayati.
2. Peristiwa Farisha memulakan kerja penggodaman sistem komputer Dinara
   - Farisha mendapati sistem komputer Dinara mempunyai banyak kelemahan.
   - Terdapat ancaman daripada pelbagai pihak yang berhajat untuk memusnahkan Dinara.
   - Farisha telah diprogramkan oleh Dr Maxi untuk berkomunikasi dengan Karl yang sedang sakit tetapi usaha ini gagal.
   - Farisha telah jatuh sakit dan dikejarkan ke hospital untuk rawatan.
   - Kesan peristiwa ini kepada plot ialah perkembangan cerita menjadi pantas dan konflik pula tercetus semakin banyak. Konflik ini menuju kepada perumitan yang akan memacu plot cerita kepada bahagian klimaks.
   - Peristiwa ini juga memberi kesan kepada penonjolan watak Farisha yang sangat bijak dengan ilmu komputer menjadikan perkaitannya dengan watak Karl semakin ketara.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Peristiwa Haiqal membaca isi kandungan manuskrip lama milik bapanya.
   - Cerita manuskrip adalah berkisar tentang kehidupan Cikgu Amirulnizam selepas bercerai dengan isterinya.
   - Cikgu Nizam berjuang untuk menghidupkan seni zapin jinzat di kampungnya dan meneruskan kehidupan melawan penyakitnya seorang diri.
   - Cikgu Nizam ini digambarkan sebagai seorang yang mencintai bidang seni dan sastera Melayu.
   - Haiqal menyedari terdapat persamaan antara watak cikgu Amirulnizam ini dengan perwatakan ayahnya, Abdullah Kayan. Haiqal menjadi teruja untuk menjejaki warisan ayahnya untuk mengenali ayahnya itu dengan lebih lanjut.
   - Kesan peristiwa ini kepada perkembangan plot ialah manuskrip ini memberi rangsangan kepada perkembangan watak Haiqal yang bertindak untuk pergi ke Kampung Purnama untuk menjejaki salasilah bapanya.
   - Plot berkembang lebih pesat setelah Haiqal menjejakkan kakinya di kampung tersebut kerana banyak rahsia yang tersembunyi selama ini berjaya dirungkaikan.

### SET 3

**(a) Dua kepincangan masyarakat**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Masyarakat yang ego dan mementingkan diri
   - Masyarakat yang ego dan mementingkan diri ini diwakili oleh watak Karl dan Medina yang saling bersaing untuk membuktikan kehebatan serta kepakaran masing-masing dalam bidang sains teknologi.
   - Sikap ego ini akhirnya menerbitkan permusuhan dan persengketaan yang berpanjangan apabila mereka saling bermusuhan hingga mengorbankan satu sama lain.
   - Sikap ini perlu dijauhi kerana mengakibatkan natijah yang buruk kepada diri sendiri dan keluarga. Anak-anak yang tidak berdosa menjadi mangsa dan akhirnya menanggung derita daripada keegoan dan sikap individualistik ibu bapa mereka.
2. Masyarakat yang taasub dengan teknologi
   - Terlalu taasub dengan teknologi sehingga sanggup mempertaruhkan nasib dan kehidupan anak kandungnya sendiri yang masih kecil.
   - Karl sanggup memasukkan mikrocip dan pelbagai ubat ke dalam tubuh Farisha yang masih kecil untuk menjadikan Farisha sebagai bahan uji kajinya.
   - Dia ingin menunjukkan kehebatannya kerana obsesinya terhadap sains dan teknologi.
   - Sikap ini perlu dijauhi kerana akan membunuh nilai kemanusiaan dan kasih sayang sesama insan termasuk ahli keluarga sendiri.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Masyarakat yang mementingkan diri sendiri
   - Terlalu mementingkan diri sendiri sehingga sanggup memisahkan kasih sayang anak terhadap ayah kandungnya sendiri.
   - Umi tidak membenarkan Haiqal menatap wajah ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan untuk kali terakhir semasa ayah kandungnya meninggal dunia.
   - Haiqal berasa sangat sedih dengan sikap mementingkan diri sendiri uminya itu.
   - Sikap ini perlu dihindari kerana kesannya akan memudaratkan anak-anak pada jangka masa panjang dan membunuh kasih sayang mereka kepada ibu bapa.
2. Masyarakat yang bercerai-berai sehingga mengakibatkan anak-anak terpisah daripada ibu atau bapa
   - Ketidaksefahaman antara Rafiqah dengan suaminya, Abdullah Kayan membawa kepada perceraian.
   - Haiqal telah dipisahkan daripada bapa kandungnya sejak kecil kesan daripada perceraian tersebut.
   - Abdullah Kayan yang menderita merindui anaknya, akhirnya meninggal dunia dalam kesunyian dan kerinduan.
   - Haiqal pula sentiasa ingin mengetahui tentang latar belakang bapanya itu walaupun sering ditentang oleh uminya, Rafiqah.
   - Sikap ini perlu dihindari kerana perceraian dan keruntuhan institusi kekeluargaan adalah tamparan yang hebat kepada anak-anak apatah lagi jika anak-anak gagal menerima hakikat lalu terjebak ke dalam kancah gejala sosial kerana sedih dan kecewa.

**(b) Latar masyarakat yang gigih menghadapi cabaran kehidupan**

**Tingkatan 4: Di Sebalik Dinara**

1. Latar masyarakat yang gigih dalam membina kerjaya
   - Berkat kegigihan dan kesungguhan usaha antara Rosman dengan Farisha mereka telah berjaya dalam kerjaya mereka.
   - Meraka saling bekerjasama untuk membangunkan syarikat kongsi mereka iaitu Secured Shell.
   - Hasil kegigihan dan kerjasama mereka telah menjana hasilnya apabila mereka ditawarkan projek di Soft Lab bernilai RM1.5 juta.
   - Kegigihan ini membuktikan bahawa usaha dan kerjasama yang berterusan akan menjadikan seseorang itu berjaya dalam mengejar impian dan cita-cita mereka.
2. Latar masyarakat yang gigih dalam menimba ilmu pengetahuan
   - Farisha dan Rosman gigih menghadiri Simposium Keselamatan Sistem Komputer untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu mereka tentang sistem penggodaman komputer.
   - Mereka akhirnya bertemu dengan Aqram dalam majlis ini yang menawarkan mereka projek bernilai RM1.5 juta.

**Tingkatan 5: Silir Daksina**

1. Latar masyarakat yang gigih dalam pekerjaan
   - Kegigihan Tauke Ong rajin bekerja di tanah Abdullah Kayan
   - Berkat kegigihan tersebut Tauke Ong mampu membeli hasil pertanian orang kampung.
   - Hasil kegigihan Tauke Ong dalam pekerjaannya akhirnya, beliau mampu membeli sebidang tanah untuk tapak rumahnya.
   - Kegigihan ini membuktikan bahawa usaha berterusan tanpa mengenal jemu akan berakhir dengan kejayaan.
2. Latar masyarakat yang gigih memartabatkan seni warisan dan budaya Melayu
   - Cikgu Abdullah gigih memartabatkan tarian zapin jincat di Kampung Seri Purnama.
   - Haiqal gigih mewakili golongan muda yang mempelajari seni tarian zapin untk memastikan tarian ini kekal dan dimartabatkan.

## ANTOLOGI SEJADAH RINDU

### SET 1

2 (b) (i) Keadaan Ahmad Mutawakkil menimbulkan tanda tanya jemaah surau kerana
- Fizikal wajahnya berkerut-kerut dan kedua-dua matanya terpejam seperti menahan kesakitan.
- Kemeja putih ala peon British yang dipakainya dipenuhi darah menunjukkan sesuatu tragedi telah melanda dirinya.
- Seluar kelabunya dipenuhi kotoran seolah-olah Ahmad Mutawakkil telah diseret di tanah berlumpur oleh seseorang yang menganiayainya.

(ii) Sekiranya saya berada di surau, reaksi saya untuk menunjukkan keprihatinan terhadap Ahmad Mutawakkil ialah:
- Saya akan memeriksa kecederaan tubuhnya untuk melihat sejauh mana tahap kecederaan tersebut.
- Saya akan memberi Ahmad air minuman untuk menenangkan keadaannya.
- Saya akan menghubungi pihak hospital dengan segera untuk memastikan Ahmad Mutawakkil mendapat rawatan kecemasan.

(iii) Nilai yang terdapat dalam petikan cerpen ialah;

Scanned by CamScanner

# SKOR

Oleh Nur Aksara Jiwa
bhskor@bh.com.my

## Jawapan

1. Nilai pengorbanan
   - Ahmad Mutawakkil berkorban nyawa dan keselamatannya untuk mempertahankan tanah air sehingga dia ditemui berlumuran darah dalam kesakitan di surau.
2. Nilai patriotik
   - Ahmad Mutawakkil sangat mencintai akan negaranya sehingga dia sanggup menyabung nyawa menentang penjajah denganpelbagai cara.
   - Akhirnya, Ahmad Mutawakkil terkorban dalam perjuangan sucinya itu.

**2** (c) (i) Maksud rangkai kata *maka demikian fiil tuan*:
- Bermaksud 'jadi begitu perangai atau tingkah laku tuan'.
- Rangkai kata itu merujuk kepada kata-kata Seri Amerta yang mempertikaikan tindakan Tun Perak mengarahkan orang Kelang membawa anak isteri mereka ke medan perang.

(ii) Strategi bernas memenangi pertempuran;
- Melengkapkan angkatan Melaka dengan kelengkapan perang yang setaraf atau melebihi angkatan musuh.
- Menghantar perisik atau pengintip untuk meninjau angkatan musuh supaya dapat dikenal pasti kelemahan mereka.
- Memberikan motivasi berterusan kepada angkatan Melaka dengan menawarkan insentif yang menarik seperti kenaikan pangkat atau gelaran.

(iii) Persoalan dalam petikan prosa tradisional ialah:
- Persoalan kebijaksanaan pemimpin dalam merangka strategi peperangan.
- Tun Perak bijak menggunakan strategi membawa anak isteri ke medan perang sebagai pencetus semangat agar orang Kelang berperang bermati-matian untuk menyelamatkan anak isteri mereka.
- Walaupun tindakan ini agak berisiko tetapi kebijaksanaan Tun Perak membuat 'reverse psychology' dianggap melampaui pemikiran biasa seorang pemimpin.

Persoalan dalam keseluruhan prosa tradisional ialah:
1. Persoalan keberanian dalam menentang musuh dengan cara tersendiri.
   - Tun Umar berani berdepan angkatan Siam dengan menaiki perahu seorang diri untuk melanggar kapal musuh.
   - Tindakan Tun Umar dianggap berani apatah lagi dia sememangnya terkenal dengan perangainya yang gila-gila.
2. Persoalan ketaatan kepada perintah Raja.
   - Bendahara Paduka Raja akur kepada perintah Raja agar dia mempersiapkan angkatan untuk menunggu ketibaan angkatan Siam yang ingin menyerang Melaka.
   - Bendahara juga memikirkan pelbagai strategi untuk memenangi peperangan agar Melaka dan Sultannya akan selamat dan sejahtera.

**2** (*d*) (i) Maksud 'dari angah ditendang ke sulung balik' ialah:
- Dari anak yang tengah penyajak telah diserahkan atau diberikan kepada anak yang sulung untuk dijaga dan dipelihara.
- Ini menunjukkan anak-anak penyajak tidak sanggup untuk menjaga orang tua mereka setelah mereka uzur.

(ii) Usaha yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka menginsafi peranan dan tanggungjawab mereka apabila dewasa kelak ialah:
- Memberi pendidikan agama sejak kecil agar anak-anak terdidik dengan kerohanian yang tinggi.
- Menyemaikan kasih sayang yang kuat antara ahli keluarga supaya budaya sayang menyayangi menjadi teras kehidupan mereka.
- Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dalam membentuk persepsi mereka sejak kecil tentang tanggungjawab terhadap ibu bapa.

(iii) Dua pengajaran daripada sajak ini ialah:
- Kita mestilah menghargai ibu bapa kerana mereka banyak berjasa mendidik dan membesarkan kita hingga berjaya dalam hidup.
- Kita haruslah tabah dan sabar dengan dugaan hidup walaupun sering dilanda kesunyian dan pengabaian oleh anak-anak sendiri.
- Kita wajar menginsafi bahawa hidup ini adalah sementara sahaja kerana yang kekal selamanya hanyalah Tuhan.

### SET 2

**2** (*b*) (i) Kata-kata 'Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil' diungkapkan oleh watak aku kepada Solehah adalah disebabkan oleh:
- Sikap pilih kasih Doktor Juaidi yang tidak memberikan tiga pek darah yang diperlukan oleh Solehah sebaliknya memberikan sepuluh pek darah kepada Tuan Besar Musa.
- Nyawa pesakit tidak dinilai berdasarkan keperluan tetapi bersandarkan kedudukan dan jasanya kepada pihak hospital.

(ii) Tindakan apabila berdepan dengan pesakit yang tidak berkemampuan membayar kos perubatan ialah:
- Melihat bentuk-bentuk saluran yang boleh digunakan untuk mengumpul dana bagi pesakit ini, contohnya melalui MAKNA untuk pesakit kanser.
- Melancarkan tabung rayuan awam melalui media massa dan elektronik untuk membantu pesakit dari segi kewangan.
- Merujukkan pesakit kepada pihak-pihak berautoriti agar mendapat pembelaan yang sewajarnya.

(iii) 1. Pengajaran dalam petikan ialah sebagai doktor kita hendaklah adil dalam merawat pesakit tanpa mengira status, pangkat atau kekayaannya.
   - Profesor Doktor Juaidi lebih mengutamakan Tuan Besar Musa kerana dia seorang korporat dan teknokrat yang banyak menyumbang kepada pihak hospital.

2. Pengajaran dalam cerpen ialah kita mestilah berani mempertahankan kebenaran walaupun kita kehilangan ganjaran keduniaan.
   - Doktor Murni yang tidak bersetuju dengan tindakan Profesor Doktor Juaidi akhirnya meletakkan jawatan kerana berbeza pendapat dan etika.

**2** (c) (i) 'Sungguhlah tuan keramat' dalam petikan bermaksud:
- Terbuktilah tuan suci dan mempunyai keajaiban luar biasa.

(ii) Melaka bertuah kerana memiliki Tuan Sidi Arab sebagai pakar memanah yang luar biasa kerana:
- Cau Pandan pada ketika itu berada di benua Siam tiba-tiba berasa dadanya seperti terkena panah
- Cau Pandan pun sakit dan muntah darah
- Cau Pandan telah mati serta-merta
- Siam tidak jadi menyerang Melaka kerana kematian Cau Pandan itu
- Inilah bukti kehebatan luar biasa panah Tuan Sidi Arab tersebut

(iii) Pada pendapat saya, pakar-pakar yang diperlukan untuk memperkukuh sesebuah negara dan alasannya ialah:
- Pakar tadbir diplomatik: Untuk memperkukuh tadbir urus negara secara berintegriti dan sistematik.
- Pakar teknologi hijau: Untuk memelihara kelestarian alam agar negara menjadi bumi yang selesa dan sihat untuk didiami.
- Pakar geologi dan meteorologi: Untuk memastikan pengurusan tanah akibat pembangunan tidak mengundang bencana dan mengesan secara cekap perubahan iklim yang boleh memudaratkan manusia.

**2** (*d*) (i) Maksud *sebelum saat aku dinisankan* ialah:
- Sebelum penyajak meninggal dunia atau dijemput Ilahi dengan kematian.

(ii) Faktor yang mendorong seseorang itu menginsafi segala kesalahan silamnya:
- Peningkatan umur yang memberikan kematangan fikiran
- Ujian-ujian yang diberikan oleh Tuhan terhadapnya
- Ilmu dan pengalaman yang bertambah

(iii) Tindakan watak penyajak sebagaimana tergambar dalam sajak yang membuktikan dirinya telah insaf dan bertaubat.
- Penyajak selalu menangis atas penyesalan terhadap dosa silamnya.
  - Air mata menjadi saksi keikhlasan
- Penyajak bersolat untuk menyatakan keakurannya pada Tuhan.
  - Akhirnya aku sujud menghadap Ilahi
- Penyajak bertaubat kepada Allah.
  - Lafaz taubat mengiringi
  - kemaafan yang kupohon sungguh
  - dari Pencipta dalam gemuruh.
- Penyajak selalu sebak setiap kali sujud kepada Allah.
  - Nafas sebak kian mengikuti.
  - Hati ini luluh jiwa yang kaku

## ANTOLOGI JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL

### SET 1

**2** (*b*) (i) Sistem pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah di negara kita adalah faktor yang menghalang perpaduan di negara kita sehingga kini kerana:
- Kaum Cina, Melayu dan India dipisahkan penempatan berdasarkan lokasi khusus iaitu bangsa Cina di bandar, bangsa Melayu di kampung dan bangsa India di ladang serta estet.
- Jurang komunikasi dan sosialisasi menjadi sangat lebar menyebabkan sifat perkauman kian menebal.
- Prasangka dan salah faham mudah berlaku kerana pemisahan berterusan menyebabkan persefahaman semakin sukar diwujudkan kerana tiada saluran untuk menyatupadukan semua bangsa di bawah bumbung yang sama.

(ii) Peranan saya sebagai warganegara Malaysia untuk mengeratkan perpaduan dan mengekalkan keharmonian negara ialah:
- Berkawan dengan semua kaum tanpa mengira budaya dan agama
- Mewujudkan kejiranan yang harmoni dengan menyantuni semua kaum dalam sambutan perayaan dan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong
- Menjadi warganegara yang prihatin dan positif tanpa mencetuskan provokasi perkauman di media sosial yang boleh mewujudkan sengketa dan salah sangka

(iii) Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas ialah:
- Kita hendaklah mengambil iktibar daripada sejarah silam negara.
- Sejarah pahit negara mengajar kita tentang kepentingan perpaduan dan persefahaman dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Satu pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen ialah:
- Kita hendaklah taat pada perintah dan larangan ayah dan ibu demi kebaikan kita.
  - 'Saya' tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar.
- Kita hendaklah gigih mengusahakan sesuatu dalam kehidupan.
  - Anak-anak bangsa Melayu pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.
  - Mereka tidak sekadar berharap kepada keluarga untuk berjaya.

**2** (c) (i) Berdasarkan gurindam di atas, contoh 'khabar yang jahat tiadalah damping' tersebut ialah:
- Khabar bersifat cerita-cerita sensasi atau gosip yang tidak pasti akan kebenarannya.
- Khabar bersifat umpatan dan kejian orang terhadap manusia lain.
- Khabar bersifat fitnah yang tidak terbukti kesahihannya dan mempunyai agenda tersendiri.

(ii) Gurindam di atas menjelaskan tentang kepentingan kita memelihara anggota badan dan pancaindera kita. Pada pendapat saya, cara terbaik untuk kita memelihara lidah dan mulut kita dalam kehidupan seharian ialah:
- Mengelakkan kumpulan rakan-rakan yang suka bergosip tentang orang lain melalui media sosial atau kumpulan-kumpulan sosial.
- Berfikir dengan cermat sebelum bercakap atau meluahkan sesuatu agar tidak menyinggung hati mana-mana pihak.
- Sentiasa membasahkan lidah dengan zikir dan selawat agar hati menjadi lunak dan terdidik.

(iii) Persoalan yang terdapat dalam gurindam di atas ialah:
- Persoalan kesederhanaan dalam kehidupan
  - Manusia seharusnya bersederhana dalam pemakanan agar tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan mental dan fizikal.
- Persoalan kepentingan memelihara mata daripada melihat yang tidak baik
  - Perkara-perkara yang tidak baik akan merosakkan hati dan mengganggu fikiran kita.
  - Mata yang terjaga akan mendidik jiwa menjadi lembut dan bersih.

**2** (*d*) (i) Maksud 'menentang semua kebobrokan' ialah:
- Melawan segala kerosakan / kehancuran / kekejaman atau kezaliman.

(ii) Jika sang gembala kuda dalam sajak di atas dilambangkan seperti pemimpin yang memimpin pengikutnya, pada pendapat saya, sewajarnya seorang pemimpin yang baik menyantuni pengikutnya dengan cara:
- Mengambil tahu kebajikan pengikutnya dengan sentiasa turun padang untuk berjumpa dengan masyarakat
- Merendah diri dan sentiasa mengutamakan kepentingan pengikut mengatasi kepentingan peribadi
- Tidak mempergunakan pengikut untuk melonjakkan kedudukan dan kuasanya

(iii) Dua persoalan yang terdapat dalam sajak ialah:
- Penganiayaan terhadap haiwan
  - Sang gembala kuda tidak mengambil berat tentang kebajikan kudanya sebaliknya dengan angkuh menggunakan cemetinya untuk memukul kuda agar menurut arahannya.
- Kesetiaan haiwan kepada tuannya
- Kuda ialah haiwan yang setia pada tuannya asalkan diberikan makanan yang secukupnya walaupun kudratnya dikerah sehabis daya.

### SET 2

**2** (*b*) (i) Nasib burung itu jauh lebih baik daripada nasib wanita tua itu, aku berfikiran sedemikian kerana:
- Burung itu diberi makan secara percuma sebaliknya wanita tua itu perlu bekerja dengan menjual makanan burung setiap hari.
- Burung itu disanjung oleh pelancong dengan fotonya diabadikan dalam kamera sebaliknya wanita tua itu seperti tidak disedari kewujudannya akibat kemiskinan hidupnya.
- Wanita tua itu tidak pernah dipedulikan oleh sesiapa sebaliknya burung itu sentiasa menjadi tumpuan dan tarikan orang di sekelilingnya.

(ii) Pada pendapat saya, langkah-langkah yang sewajarnya kerajaan lakukan untuk menangani golongan miskin bandar seperti wanita tua dan remaja tersebut ialah:
- Menyediakan rumah kebajikan kepada orang tua dan remaja yang terbiar
- Menyediakan skim kemahiran untuk membantu remaja tersebut bekerja dengan cekap
- Menawarkan mereka pinjaman atau dana perniagaan untuk menggalakkan mereka berniaga secara sah dan selesa

(iii) Satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan tersebut ialah:
- Masyarakat gelandangan yang hidup merempat di sekitar bandar dan kota
  - Wanita tua dan remaja itu ialah golongan miskin yang sanggup melakukan apa-pa sahaja untuk meneruskan kelangsungan hidup.
- Masyarakat yang berhati-hati ketika melancong di negara orang
  - Aku teringat akan pesanan Encik Yuksel tentang bahaya membeli barang di tepi jalan, oleh itu, aku tidak membeli barangan yang ditawarkan oleh remaja tersebut.

Satu latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen ialah:
- Masyarakat yang suka melancong ke negara orang
  - Mas telah melancong ke Istanbul untuk melihat sendiri keunikan negara kerajaan Uthmaniah tersebut.
- Masyarakat yang prihatin terhadap binatang
  - Mas telah berusaha menebus kesilapannya membeli jaket kulit kijang tersebut dengan berhasrat mendermakan hasil jualan jaket tersebut kepada zoo yang mempunyai kandang kijang.

**2** (c) (i) Maksud rangkai kata 'supaya menjadi tamsil ibarat' dalam rangkap pertama syair di atas ialah:
- Agar menjadi contoh dan teladan

(ii) Pada pendapat saya, nilai tambah seorang pemimpin yang cemerlang ialah:
- Mesra dan berjiwa rakyat
- Mengutamakan kebajikan rakyat tanpa mengira kaum
- Fasih pelbagai bahasa untuk memudahkan komunikasi secara berkesan
- Adil dan berintegriti tinggi

(iii) Persoalan kebijaksanaan pemimpin jelas terdapat dalam syair ini ialah:
- Kebijaksanaan pemimpin dalam menghadapi musibah dan bencana
  - Raja di negeri Kembayat menghadapi serangan burung raksasa dengan tenang walaupun negara berada dalam keadaan huru-hara dan berduka cita.
- Kebijaksanaan pemimpin mentadbir dan mengurus negeri
  - Raja di negeri Kembayat memimpin negeri dengan bijak dan adil sehingga disenangi oleh rakyat dan pedagang.

**2** (*d*) (i) Maksud *menaakuli kebesaran-Mu* ialah:
- Menilai dan menghayati keagungan Allah
- Mengagumi kehebatan Allah
- Menilai keistimewaan ciptaan Allah

(ii) Pada pendapat saya, peranan saya sebagai remaja untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah:
- Menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tepat dalam kehidupan seharian
- Menulis dengan tatabahasa yang betul tanpa melakukan sebarang pencemaran bahasa
- Membiasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam penulisan di media sosial sebagai contoh kepada remaja lain

(iii) Dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas ialah:
- Nilai kesyukuran
  - Penyajak dengan penuh rasa kesyukuran menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan.
  - Penyajak digambarkan mendongak ke langit melalui awan yang bergumpal dan merasai angin yang berhembus.
- Nilai cinta akan bahasa
  - Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang semakin terpinggir.
  - Mereka mengenang akan nasib bahasa Melayu apabila zaman semakin berubah pada masa akan datang.

Scanned by CamScanner